PANDUAN IBADAH PUASA RAMADHAN

Di terbitkan Oleh
BADAN KEBAJIKAN KAKITANGAN ISLAM (BKKI), NPC

MUKADDIMAH

Bismillaahirrahmaanirrahimm
Alhamdulillah syukur kita ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnianya, sekali lagi kita menyambut ketibaan Ramadhan bagi tahun 1423 Hijrah. Ketibaan Ramadhan semestinya membuat kita gembira kerana bertemu dengan bulan yang mulia. Akan tetapi tidak mustahil kegembiraan itu di selit juga oleh rasa hati yang berdebar. Berdebar kerana kita bertemu dengan bulan yang penuh fadilat, dimana setiap perbuatan kebajikan dan kebaikan serta amal ibadah akan mendapat pahala yang berlipat ganda.

Jika diaplikasikan teori kaedah pengukuran produktiviti yang mentakrifkan produktiviti adalah nisbah output per input, kita dapat melihat bahawa bulan Ramadhan itu adalah bulan dimana Allah SWT mengemukakan tawaran mega spesial untuk kita rebut. Tawaran mega spesial itu adalah dalam bentuk jaminan pemudahcaraan peningkatan ketara output dengan sedikit tambahan input sebagai insentif untuk peningkatan produktiviti keimanan kita. Bulan Ramadhan itu di jamin oleh Allah sebagai bulan peningkatan langsung indeks produktiviti jika kita merebut peluang tawaran yang disediakan. Ini dapat di lihat daripada riwayat hadith yang menyebut Ramadhan adalah bulan yang penuh barakah, bulan yang didalamnya terdapat malam yang lebih baik daripada seribu bulan, bulan dimana puasa itu adalah ibadah wajib dan menunaikan ibadah selain daripada ibadah wajib didalam harinya adalah sunat, bulan didalamnya ditambahkan rezeki, bulan ampunan dari dosa – dosa dan pembebasan dari api neraka. Peningkatan ganjaran dalam bentuk nisbah output ini adalah dengan anjuran menunaikan kewajipan ibadah wajib puasa dan ibadah wajib lainnya dan ditambah dengan sedikit anjuran lainnya seperti membanyakkan tafakur, iktikaf, bersedekah serta melakukan solat malam (Qiamullail), solat tarawikh, solat sunat lainnya dan lain –lain ibadah sunat.

Untuk mendapatkan peningkatan produktiviti ibadah kita saya suka memperingati diri saya dan menyeru semua warga muslim dan muslimah NPC untuk beriltizam mendapatkan ibadah puasa yang cemerlang selari dengan beban tugas NPC sebagai organisasi pelopor kepada kecemerlangan. Tahniah saya ucapkan kepada BKKI NPC diatas usaha murni menerbitkan Buku Panduan Ibadah Puasa Ramadhan untuk panduan warga muslim dan muslimah NPC dalam menghayati Ramadhan yang mulia ini.

Akhir sekali Selamt Datang Ramadhan dan BERSAMA MENCAPAI KECEMERLANGAN RAMADHAN melalui perlaksanaan ibadah puasa yang produktif dan berkualiti selari dengan tema kita PUSH FOR PRODUCTIVITY, GO FOR QUALITY

Ir. Mah Lok Bin Abdullah
Ketua Pengarah, NPC

ALUAN YANG DIPERTUA

Buku kecil **PANDUAN IBADAH PUASA RAMADHAN** ini adalah satu usaha kecil BKKI dalam menyediakan panduan kepada warga muslimin dan muslimah NPC untuk bersedia menghadapai hari – hari penting dan diberkati bulan Ramadhan. Persediaan menjalani ibadah puasa bulan suci Ramadhan cukup banyak. Antara lain ialah keperluan material yakni keperluan sehari – hari, persiapan kesihatan, kerana tanpa sihat seseorang tidak mungkin dapat melaksanakan ibadah puasa dan yang terpenting ialah persiapan rohani (mental). Persiapan rohani merupakan persiapan utama sebab rohani yang tidak dipersiapkan, belum bersih atau tidak sihat tidak dapat dijadikan jaminan untuk diterima amal ibadah, kebaikan serta kebajikan yang dilakukan dibulan Ramadhan. Tegasnya untuk melaksanakan ibadah di bulan Raamadhan ini memerlukan kebersihan rohani dan jasmani.

Ramadhan diambil dari akar kata yang bererti membakar atau mengasah. Ia dinamakan demikian kerana, dosa- dosa manusia pupus habis terbakar hasil dari kesedaran dan amal soleh atau disebut demikian kerana bulan Ramadhan dijadikan waktu untuk mengasuh dan mengasah jiwa manusia. Bulan Ramadhan juga diibaratkan sebagai tanah subur yang siap ditaburi benih kebajikan. Semua orang dipersilakan untuk menabur benih, kemudian pada waktunya menuai hasil sesuai dengan benih yang di tanamnya. Bagi umat yang lalai, tanah garapannya hanya akan ditumbuhi rumput – rumput dan lalang yang tidak berguna. Bagi umat islam seluruh dunia, bulan Ramadhan adalah bulan yang penting, kerana bulan inilah kita diperintah Allah SWT untuk menjalani ibadh puasa selama sebulan. Dibulan inilah juga Al Quran diturunkan. Allah SWT menjadikan bulan Ramadhan sebagai slah satu musim yang besar dalam pemberian kemaafan dan keampunan. Puasa dibulan Ramadhan adalah satu – satunya kesempatan yang baik sekali bagi kita untuk merenung kembali refleksi diri bagaimana kita seharusnya menjaga dan membebaskan diri daripada penyakit hawa nafsu. Ramadhan bukan sekadar bulan suci tetapi juga sebagai bulan penyucian diri.

Marilah kita sama – sama mengimarahkan bulan Ramadhan ini dengan penuh iltizam untuk menjalani ibadah puasa dengan penetapan tanda aras perlaksanaan ibadah puasa bermatlamatkan bukan sekadar lapar dan dahaga tetapi keupayaan untuk mengawal nafsu sebagai jalan mengintropeksi atau muhasabah diri secara total siapa diri kita disisi Allah SWT. Berasaskan penetapan tanda aras tersebut dan muhasabah diri secara total itu semestinya semangat kita akan membuak untuk meningkatkan tahap keimanan kita selari dengan konsep penambahbaikan berterusan untuk mencapai kualiti keimanan yang cemerlang.

Wassalam

Hj. Othman Bin Ismail
Yang Dipertua, BKKINPC

DARI MEJA EDITOR

Alhamdulillah syukur kita ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurnianya kita telah dipanjangkan umur untuk sekali lagi dapat menyambut Ramadhan Al Mubarak. Bulan Ramadhan adalah bulan penting untuk umat islam, bulan umat islam menjalani ibadah puasa, bulan kita di beri peluang oleh Allah SWT untuk menyuci diri dari dosa dan noda dan bulan untuk menambah amal kebajikan untuk mendapat ganjaran pahala berlipat kali ganda

Untuk mengambil peluang menjalani ibadah puasa Ramadhan dan mendapatkan barakah dalam bulan Ramadhan ini seharusnya kita mepersiapkan diri dangan sewajarnya. Persiapan mental, fizikal di tambah dengan roh keimanan adalah persiapan yang sebaiknya. Contoh tanda aras persiapan Ramadhan orang – orang yang soleh adalah mereka biasa melakukan persiapan seawal mungkin sebelum datang Ramadhan. Bahkan mereka sudah merindukan kedatangannya sejak bulan Rajab dan Sya'ban. Ini dapat dilihat dari doa mereka, "Ya Allah berikanlah kepada kami keberkatan pada bulan Rajab dan Sya'ban, serta sampaikanlah kami kepada Ramadhan."

Buku **Panduan Ibadah Puasa Ramadhan** ini adalah satu usaha BKKI untuk panduan warga muslimin dan muslimah NPC khususnya dan dan warga islam amnya ke arah peningkatan ilmu ibadah bagi melaksanakan Ibadah puasa Ramadhan yang sempurna dan cemerlang. Betapa pentingnya pembekalan mengisi bulan Ramadhan ini dapat di lihat senarionya di zaman Rasulullah. Para sahabat Rasulullah yang keimanannya sudah mantap, masih lagi diberi *taujihat* (pengarahan-pengarahan) oleh beliau ketika akan memasuki Ramadhan.

Buku **Panduan Ibadah Puasa Ramadhan ini** diterbitkan dengan merujuk dan mengumpul dari pelbagai sumber yang di olah semula mengikut pendekatan produktiviti, kualiti, tanda aras, pengurusan kualiti menyeluruh dan kecemerlangan selari dengan fungsi NPC sebagai pelopor kepada sistem dan methodologi pengurusan tersebut . BKKI juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Pendidikan Agama, Kementerian Pendidikan, diatas bantuan khidmat nasihat syariah dan semakan deraf manuskrip penerbitan ini untuk mempastikan kesasihan maklumat yang di terbitkan adalah mengikut syarak. Tak lupa juga ucapan ribuan terima kasih kepada semua individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan buku kecil ini.

Wassalam

Editor

RAMADHAN: BULAN TAWARAN MEGA SPESIAL DARIPADA ALLAH SWT

Allah SWT yang maha Pemurah lagi maha Penyayang telah dengan murah hatinya melontarkan tawaran mega spesial kepada kita umat Islam. Di dalam tawaran mega spesial ini pelbagai hadiah, insentif dan habuan yang menarik serta lumayan yang tiada tandingannya di muka bumi ini disediakan untuk di rebut. Tawaran mega spesial ini di buka selama satu bulan sepanjang bulan Ramadhan, bulan di mana amal ibadah di beri ganjaran pahala gandaan seribu bulan. Di bawah skim tawaran yang sudah mega itu di selit lagi dengan sub tawaran yang lebih mega untuk 10 malam terakhir bulan Ramadhan, Malam Lailatul Qadar. Allah menjemput kita untuk merebut tawaran ini sebagai tamuNya, mendekatkan diri kepadaNya dengan nisbah sedikit tambahan dalam amal ibadah di bulan ini akan di beri ganjaran dalam nisbah seribu kali ganda. Tawaran ini boleh di analogikan sebagai jemputan kenduri illahi (divine feast). Kita di jemput ke kenduri Illahi ini sebagai tetamu Allah untuk mendapat perlindungan, keampunan dan kerahmatan daripadaNya. Tawaran mega ini adalah bukti betapa Allah menyanyangi kita dan mahukan kita mendekatkan diri kita kepadaNya, mengingati kita dan mahukan kita mengingatiNya, bersedia menolong kita dengan syarat kita memohon pertolongan daripadaNya bukan selain daripadaNya. Allh SWT mahu kita membersihkan diri daripada dosa dan noda sebagai bekalan untuk kembali kepadaNya. Jemputan untuk bertamu sebagai tetamu Allah ke kenduri Illahi anjuran dan tajaan Allah ini perlu direbut sebanyak mungkin. Rugilah kita kalau tidak merebut peluang ini. Peluang yang hanya datang setahun sekali. Menyahut jemputan ini perlulah dengan persiapan yang sewajarnya. Setiap orang beriman adalah tetamu VVIP. Sebagai tetamu VVIP kita pastinya menyambut dan memenuhi jemputan ini dengan hati yang senang, gembira, girang dan penuh iltizam untuk memberikan yang terbaik sebagai tamu yang di muliakan.

CADANGAN BEKALAN YANG PERLU DALAM MENGISI RAMADHAN

Ramadhan dijelaskan oleh Rasulullah saw sebagai *syahrul azhim mubarak,* yakni bulan yang sangat agung dan berlimpah keberkahan serta kebaikan. Bulan yang pada sepuluh hari pertamanya tercurah rahmat, sepuluh hari keduanya berlimpah *maghfirah* (ampunan) dan sepuluh hari terakhirnya pembebasan dari api neraka.

Masih banyak lagi keutamaan yang menghampar di bulan Ramadhan. Tapi semua itu tidak mungkin dapt diraih tanpa ada persiapan-persiapan yang serius. Di sinilah peranan para dai, ustaz, ulama dan organisasi Islam sangat diperlukan untuk menggerakkan *tau'iyah Ramadhan*, yakni memberi panduan dan kesedaran kepada masyarakat tentang Ramadhan dengan segala keutamaannya serta bagaimana menyikapi dan mengisinya.

Keperluan untuk memberi panduan dan kesedaran Ramadhan bukan hanya menjelang Ramadhan tetapi harus dilakukan seawal mungkin agar nantinya ketika masuk pada bulan Ramadhan masyarakat sudah faham bagaimana mengisi Ramadhan dengan kesedaran dan kefahaman yang tinggi, sehingga mereka dapat memberi tumpuan kepada ibadah di bulan Ramadhan ini seoptimum mungkin

Betapa pentingnya pembekalan mengisi bulan Ramadhan ini dapat di lihat senarionya di zaman Rasulullah. Para sahabat Rasulullah yang keimanannya sudah mantap, masih lagi diberi *taujihat* (pengarahan-pengarahan) oleh beliau ketika akan memasuki Ramadhan. Inikan pula kita yang keimanan jauh dari taraf sahabat – sahabat di zaman Rasulullah

Bekal Utama

Secara pribadi, setiap muslim wajib membekali dirinya dengan persiapan optimum yang berkaitan dengan ibadah Ramadhan agar secara internal bersedia memasuki bulan Ramadhan.

Ada dua persiapan penting yang harus dilakukan dalam rangka *tau'iyah* Ramadhan, yakni mempersiapkan pribadi setiap muslim (*i'dadun nafsi)* mempersiapan *bi'ah* (persekitaran) yang kondusif.

Persiapan pribadi itu terdiri dari lima hal. **Pertama**, *I'dad Ruhi Imani,* yakni persiapan ruh keimanan. Orang – orang yang soleh biasa melakukan persiapan ini seawal mungkin sebelum datang Ramadhan. Bahkan mereka sudah merindukan kedatangannya sejak bulan Rejab dan Sya'ban. Ini dapat dilihat dari doa mereka, "Ya Allah berikanlah kepada kami keberkatan pada bulan Rajab dan Sya'ban, serta sampaikanlah kami kepada Ramadhan."

Dalam rangka persiapan ruh keimanan itu, dalam surah At-Taubah Allah melarang kita melakukan berbagai maksiat dan kezaliman sejak bulan Rajab. Tapi bukan bererti di bulan lain dibolehkan. Hal ini dimaksudkan agar sejak bulan Rejab iman kita sudah meningkat. Boleh dikiaskan, bulan Rejab dan Sya'ban adalah masa pemanasan (*warming up)* sehingga ketika mula *start* memasuki Ramadhan kita sudah boleh meluncur seperti biasa

Kedua, adalah *I'dad Jasadi,* yakni persiapan fizikal. Untuk memasuki Ramadhan secara fizikal, kita perlukan tahap kesihatan yang lebih baik dari biasanya. Sebab, jika fizikal lemah, kemuliaan-kemuliaan yang dilimpahkan Allah di bulan Ramadhan memungkinkan kita tidak dapat meraihnya secara optimum. Makanya, pada bulan Rajab Rasulullah dan para sahabat membiasakan diri melatih fizikal dan mental dengan melakukan puasa sunnah, banyak berinteraksi dengan al-Qur'an, biasa bangun malam (qiyamul-lail) dan meningkatkan urusan mengambil tahu dan mengambil berat ehwal masyarakat.

Ketiga, adalah *I'dad Maliyah*, yakni persiapan harta. Jangan salah faham, persiapan harta bukan untuk membeli keperluan logistik buka puasa atau kuih-muih lebaran sebagaimana yang menjadi tradisi kita selama ini, tapi untuk melipatgandakan sedekah, karena Ramadhan merupakan bulan membanyakkan sedekah. Pahala bersedekah pada bulan ini berlipat ganda dibanding bulan biasa.

Keempat, adalah *I'dad Fikri wa Ilmi,* yakni persiapan fikiran dan ilmu. Agar ibadah Ramadhan dapat di optimumkan diperlukan bekal wawasan dan *tashawur* (persepsi) yang benar tentang Ramadhan. Caranya dengan membaca berbagai bahan rujukan dan menghadiri majlis ilmu tentang Ramadhan yang boleh membimbing kita beribadah Ramadhan dengan sempurna sesuai tuntutan Rasulullah. Menghafal ayat-ayat dan doa-doa yang berkait dengannya, menguasai berbagai masalah dalam fiqh puasa dan lain-lain juga penting dilakukan.

Selain persiapan-persiapan individu tersebut, persiapan sosial juga sangat penting dalam mewujudkan Ramadhan yang sempurna, kerana betapapun semangatnya seseorang itu menyambut Ramadhan, tetapi kalau persekitarannya tidak selari dengannya seperti jika dia berada di tengah masyarakat yang mengambil enteng puasa, maka peribadi tersebut akan terkena juga pengaruh dan godaannya.

Pengkondisian persekitaran itu perlu dilakukan di mana saja. Di rumah misalnya, sebaiknya memberi semangat anak-anak dengan nasihat tentang puasa, dibelikan kain sejadah atau mushaf Al-Quran yang baru. Di persekitaran luar dipasang berbagai publisiti seperti spanduk, sticker,

brosur dsb untuk mengingatkan masyarakat tentang Ramadhan dan keutamaannya.

Tak kurang pentingnya, masjid dan mushalla hendaknya dihias lebih indah, bersih dan nyaman. Sehingga, orang yang berada di dalamnya merasa lebih selesa, tenteram serta merasai suasana ramadhan. Begitu juga dengan kegiatannya harus beraneka-ragam dan bersepadu. Jangan cuma tarawih dan buka puasa bersama (*ifthar jama'i*) saja tapi buat halaqah Qur'an, tadarus bersama, kajian tafsir dan fiqih dan lain-lain. Laksanakan program sebanyak-mungkin supaya masyarakat boleh menyerap ke dalam warna Islami agar ia berkesinambungan juga diluar bulan Ramadhan.

Puasa yang Berjaya

Ibadah Ramadhan yang berjaya dan terbaik adalah yang berhasil meraih ketaqwaan dan boleh mempertahankannya untuk selama sebelas bulan berikutnya. Untuk mencapai kejayaan ini ada beberapa hal yang harus dilakukan. **Pertama,** meningkatkan kualiti puasa yang tidak hanya menahan diri daripada makan dan minum tetapi juga melatih jiwa untuk boleh berfikir dan berperilaku hidup Islami.

Kedua, meningkatkan interaksi dengan al-Qur'an. Inilah hikmahnya Al-Qur'an diturunkan pada bulan Ramadhan agar kita mengambil iktibar untuk melelebihkan intensiti membaca, memahami dan mengikuti tuntutan Al Quran . Mustahil orang akan bertaqwa kalau tidak mengkaji Al-Qur'an. **Ketiga,** memperhatikan aturan-aturan Allah dan tidak dilanggar agar terbentuk kedisiplinan diri untuk tidak menyeleweng dari garis ketentuan Allah. **Keempat,** beri'tikaf di masjid pada 10 hari terakhir yang menandakan dekatnya hubungan kita dengan Allah karena selalu berada di dalam masjid, dengan jalan zikir, ibadah dan tafakur.·

10 SENARAI SEMAK PERSIAPAN DAN PERLAKSANAAN PUASA

1) Niatkan rasa sukacita kita dalam hati akan kedatangan bulan suci Ramadhan, “Barang siapa yang dihatinya merasa gembira akan kedatangan bulan Ramadhan, maka Allah haramkan jasadnya untuk masuk neraka” – Al-hadith

2) Memohon ma’af kepada kedua orang tua, suami/isteri, anak, saudara dan para sahabat atau kerabat anda, dimana setiap hari anda berhubungan dengannya, lupakan kesalahan saudara Muslim anda yang pernah terjadi selama anda berhubungan

3) Bersihkan pakaian taqwamu dari hadas, najis mahupun penyakit hati (iri, dengki, hasad, hasut, tamak, haloba, sombong, mencela, dendam, berbohong) sebelum , ketika menjalankan ibadah puasa mahupun sesudahnya

4) Niatkan dalam hati untuk melaksanakan ibadah puasa ini dengan penuh kesungguhan dan sekuat tenaga untuk mejalankan juga ibadah – ibadah nafila (tambahan)

5) Tingkatkan Iman dan Taqwa, Selenggarakan & hadiri majlis ilmu Islam ditempat anda.

6) Perbanyak membaca dan memahami Al-Qur’an Al-Karim, kalau mampu upayakan khatam 1 (satu) Juz selama ibadah puasa dan jadikan amalan dalam hidup setelah Ramadhan berlalu

7) Lakukan aktiviti biasa anda sehari-hari dan tingkatkan kualitinya selama Ibadah puasa, tinggalkan perbuatan maksiat dan perbuatan yang sia-sia tanpa nilai pahala

8) Tingkatkan amar ma’ruf nahi munkar, saling nasihat menasihati di jalan Allah dan perbayak bersabar.

9) Usahakan anda beri’tikaf (berdiam diri / menginap di dalam Masjid untuk memperbanyak kegiatan ibadah) selama 10 (sepuluh) hari terakhir Ramadhan, sesuai sunnah Rasulmu

10) Ingatlah, bukan pakaian yang baru yang diterima disisi Allah SWT tetapi kebagusan ibadah kita yang utama.

PANDUAN ASAS PUASA DAN SEMBAHYANG SUNAT TARAWIH

PUASA

(Petikan dari *Kitab Tuntutan Ibadah: Perukunan Ibadah Sepanjang Zaman* oleh As-Shaikh Ali b. Abdullah)

Ertinya:
Menahan diri dari makan dan minum atau apa-apa jua yang boleh membatalkan puasa, sepanjang hari mulai dari terbit fajar hingga terbenam matahari dalam sebulan bulan Ramadhan.

Perintah wajib puasa turun pada bulan Sya'ban Tahun 2 Hijrah.

Dalil
Perintah wajib puasa : Surah Al-Baqarah Ayat 183:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُتِبَ عَلَيۡكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن
قَبۡلِكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَتَّقُونَ ١٨٣

Bermaksud: *Hai orang-orang yang beriman diwajibkan atasmu berpuasa, sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu, supaya kamu menjadi orang yang bertaqwa*

Wajib Puasa:

1) Islam
2) Mukalaf
3) Berkuasa/Mampu untuk berpuasa, tidak uzur
4) Telah melihat anak bulan Ramadhan atau mensabitkan bulan Ramadhan dengan menggenapkan bulan Sya'ban 30 hari.

Sah Puasa:

1) Beragama Islam sahaja, lelaki, perempuan dan kanak-kanak yang telah mumaiyyiz.
2) Suci dari haid dan nifas.
3) Sempurna akal fikirannya sepanjang hari itu.
4) Bukan pada hari yang tidak sah puasa eg. Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji dan Hari Syak (30hb Sya'ban).

Rukun Puasa:

1) Niat, di waktu malam mulai selepas Maghrib sampai sebelum terbit fajar.

2) Meninggalkan semua perkara-perkara yang membatalkan puasa sejak terbitnya fajar sampai terbenamnya matahari.

Membatalkan Puasa:

Sekiranya

1) Memasukkan benda/sesuatu ke dalam jauh rongga seperti mulut, hidung, telinga, atau lubang-lubang kemaluan dengan sengaja.

2) Muntah dengan sengaja.

3) Mengeluarkan mani dengan sengaja.

4) Haid atau nifas.

5) Bersetubuh di siang hari (selain membatalkan puasa ia juga ada hukum tersendiri iaitu diwajibkan membayar kifarah).

6) Murtad (keluar dari Islam).

7) Gila (hilang akal).

Pantang-larang puasa:

Iaitu perkara-perkara yang membatalkan pahala puasa, maknanya berpuasa tidak mendapat apa-apa pahala kecuali lapar dan dahaga (puasa yang sia-sia).

1) Berdusta, berbohong.
2) Mengumpat, mengata orang.
3) Membuat sesuatu yang boleh mendatangkan permusuhan.
4) Melihat benda-benda yang mendatangkan keinginan nafsu shahwat.
5) Marah.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

Bermaksud: "Barangsiapa yang tidak meninggalkan cakap dusta (batil) dan perbuatannya, maka Allah tidak berhajat padanya dalam meninggalkan makan minumnya".
(Hadis Riwayat Muslim)

Bermaksud: "Bukan dinamakan puasa bila hanya sekadar menahan makan dan minum, tetapi puasa yang sungguh-sungguh itu adalah menahan diri dari percakapan yang tidak ada gunanya dan kata-kata yang keji".
(Hadis menurut Sahih Muslim)

Sunat-sunat Puasa:

1) Menyegerakan berbuka puasa apabila telah yakin waktu berbuka.

   Rasulullah s.a.w. bersabda:

   Bermaksud: "Allah berfiman: Hambaku yang lebih Aku cintai adalah mereka yang menyegerakan berbuka".

2) Makan sahur walaupun sedikit.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

Bermaksud: "Makan sahur itu berkat, oleh kerana itu jangan kamu tinggalkan, walau hanya sekadar meneguk seteguk air, kerana Allah merahmati orang-orang yang makan sahur dan malaikat mendoakannya".

3) Melambatkan makan sahur iaitu lepas daripada tengah malam dan sebelum waktu imsak.

4) Berbuka dengan buah kurma atau benda-benda yang manis.

5) Memperbanyakkan membaca Al-Quran.

6) Memperbanyakkan sedekah.

7) Beriktikaf siang hari dalam masjid.

8) Menghadiri majlis-majlis ilmu.

9) Menyediakan makanan untuk berbuka untuk orang-orang berpuasa.

10) Jangan bersugi setelah tergelincir matahari ke arah barat sehingga terbenamnya matahari kerana boleh memakruhkan puasa.

Golongan Yang Harus (Dibenarkan) Berbuka Puasa:

1) Orang yang di dalam (perjalanan - musafir), tetapi wajib di qadha'.
2) Orang sakit, wajib di qadha'.
3) Ibu yang menyusukan anak, jika takut mudharat bagi dirinya, maka wajib qadha' dan jika takut mudharat bagi anaknya maka wajib qadha' dan fidyah.

Bacaan Niat Puasa:

1) Lafaz niat puasa Fardhu Ramadhan

"Sahaja aku berpuasa esok hari menunaikan Fardhu Ramadhan tahun ini kerana Allah Taala".

Bacaan Hendak Berbuka Puasa:

"Ya Tuhanku, keranaMu jua aku berpuasa, dan denganMu aku beriman dan di atas rezekiMu aku berbuka dengan belas kasihMu Ya Allah Ya Amat Mengasihi".

SEMBAHYANG TARAWIH

1. Hukum Sembahyang Tarawih:

    a) Hukumnya sunat muakkad (yang sangat dituntut) bagi dikerjakan oleh orang-orang Islam lelaki dan perempuan pada tiap-tiap malam bulan Ramadhan samada secara berseorangan atau berjamaah.

    b) Sunnat dikerjakan di masjid, surau dan lain-lain tempat sembahyang orang-orang Islam.

2. Waktu Sembahyang Tarawih:

    Waktu sembahyang Tarawih ini ialah selepas menunaikan sembahyang Fardhu Isya'.

3. Rakaat Sembahyang Tarawih:

    a) Pada umumnya masyarakat Islam di Malaysia mendirikan sembahyang Tarawih ini sebanyak 20 rakaat, tetapi ada juga yang hanya menunaikan sekadar 8 rakaat sahaja.

    b) Pada zaman Rasulullah s.a.w. sembahyang Tarawih dikerjakan sebanyak 8 rakaat saja supaya tidak menimbulkan sesuatu keberatan.

    c) Pada zaman Khalifah Umar bin Al-Khattab pula beliau menambah lagi menjadikan 20 rakaat kerana beliau berpendapat bahawa orang-orang Islam pada zamannya itu tidak keberatan lagi menunaikan sembahyang sebanyak itu.

    d) Sembahyang Terawih hendaklah ditunaikan dua rakaat, pada tiap-tiap satu kali takbiratul-ihram kemudiannya dilakukan lagi sehingga genap rakaat yang dikehendaki.

4 Lafaz Niat Sembahyang Tarawih:

Bermaksud: *Sahaja aku sembahyang Tarawih dua rakaat ma'mum kerana Allah Taala*

4. Rukun Sembahyang Tarawih

    Rukun sembahyang sunat Tarawih ini sama sahaja dengan rukun sembahyang yang lain juga.

SEMBAHYANG WITR

1. Sembahyang Sunat Witr

   a) Menurut kebiasaan umum orang-orang Islam di Malaysia menunaikan sembahyang Witr selepas sunat Tarawih ini sebanyak 3 rakaat sahaja. Sunat Witr ini ditunaikan secara berjamaah.

   b) Salam selepas dua rakaat yang pertama.

   c) Lafaz niat sembahyang sunat Witr
      i- bagi dua rakaat yang pertama:

Bermaksud: *Sahaja aku sembahyang Witr dua rakaat ma'mum kerana Allah Ta'ala.*

      ii- bagi rakaat yang akhir:

Bermaksud: *Sahaja aku sembahyang Witr satu rakaat ma'mum kerana Allah Ta'ala.*

   d) Pada malam 16 hingga akhir Ramadhan adalah sunat dibaca [doa] Qunut pada rakaat yang akhir. Lafaz Qunut di sini sama juga dengan lafaz Qunut semmbahyang Subuh. Dan jika tidak membaca Qunut ini adalah disunatkan Sujud Sahwi.

KELEBIHAN PUASA DARIPADA RUJUKAN AL QURAN DAN HADITH

- "Berpuasalah, kerana puasa membawa kebaikan kepada kamu, sekiranya kamu mengetahuinya." (surah Al Baqarah: 184)
- "Berpuasalah kamu nescaya kamu menjadi orang sihat." (Hadis)
- "Tiap-tiap kebajikan yang di-kerjakan oleh manusia akan dibalaskan 10 kali ganda hingga 700 kali ganda, kecuali puasa dikerjakan oleh hambaKu untuk Aku, maka Aku (Allah) akan membalaskannya." (Riwayat Abu Hurairah)
- "Bagi orang yang berpuasa ada dua kegembiraannya, gembira ketika berbuka dan gembira ketika berjumpa dengan TuhanNya (di hari Kiamat)." (Riwayat Abu Hurairah)
- "Puasa itu menjadi perisai." (Riwayat Bukhari dan Muslim)
- "Doa orang yang berpuasa tidak sekali-kali akan ditolak oleh Allah." (Riwayat Tarmizi)

Kelebihan bulan Ramadan

- Allah swt mengutamakan bulan Ramadan dari bulan-bulan yang lain. Diberi kelebihan pada segala amal kebajikan yang diusahakan seorang Muslim di dalamnya.
- Sabda Nabi Muhammad saw di dalam sebuah hadis yang bermaksud: "Telah datang kepada kamu bulan Ramadan, yang penuh berkat, Allah memberi perlindungan kepada kamu menurunkan rahmatNya, membersih-kan dosa-dosa, mengkabulkan doa, Ia (Allah) akan memberikan perhatian yang sungguh-sungguh kepada segala kebajikan kamu dan para malaikat mengalu-alukan kamu; maka per-lihatkanlah kepada segala perkara yang baik-baik. Sesungguhnya orang yang jahat itu yang diharamkan oleh Allah daripada mendapat rahmatNya."

Sebab-sebab bulan Ramadan Diutamakan

- "Bulan Ramadan, yang diturunkan di dalamnya Al Quran menjadi petunjuk kepada manusia." (Al Baqarah: 185)
- Adanya malam Lailatul Qadar "Malam Lailatul Qadar (malam penentuan) lebih utama daripada 1000 bulan." (Al Qadr: 3)
- Puasa sepanjang bulan Ramadan "Barangsiapa yang mengerjakan puasa di bulan Ramadan dengan penuh keimanan kepada Allah dan benar-benar mengharapkan keampunan, nescaya Allah akan mengampunkan dosa-dosanya yang telah lalu." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

- Ibadat dalam bulan Ramadan "Barangsiapa yang membuat satu kebajikan di bulan Ramadan akan dibalas sepuluh kali ganda dan barang-siapa mengerjakan keburukan akan dibalas menurut apa yang dibuatnya." (Hadis)
- Membersihkan diri dengan mengeluarkan zakat fitrah "Rasulullah saw telah mewajibkan zakat fitrah pada bulan Ramadan sebanyak satu sa' (2.3 kg) kurma atau gandum kepada tiap-tiap orang Islam merdeka atau hamba lelaki atau perem-puan." (Riwayat Bukhari dan Muslim) Bulan Ramadan bulan yang penuh dengan berkat, rahmat dan kasih mesra antara makhluk-makhluk Allah yang hidup di bumi Allah ini.

Soalan Lazim Puasa Dengan Jawapan Ringkas

Soalan: Seseorang yang terdengar azan Subuh ketika dia sedang bersahur, adakah sah puasanya?

Jawapan: Sah puasanya dan hendaklah berhenti makan serta merta dan terus buang makanan yang ada di dalam mulutnya.

Soalan: Seseorang yang mengalami keadaan air liur yang terkumpul di dalam mulutnya kemudian ditelan, adakah batal puasanya?

Jawapan: Tidak batal puasanya kerana air liur datang dari mulut tidak datang dari rongganya.

Soalan: Apakah hukum orang yang berpuasa yang makan dengan terlupa kemudian teringat kembali yang dia berpuasa?

Jawapan: Sah puasanya kerana itu adalah rezeki daripada Allah. Sabda Rasullah s.a.w yang bermaksud "Sesiapa yang makan atau minum dengan keadaan terlupa maka jangan berbuka puasa maka sesungguhnya itu adalah rezeki yang diberi oleh Allah s.w.t. kepadanya".

Soalan: Adakah sah niat puasa di malam 30 Syaaban sedangkan hati seseorang tidak berat sangka bahawa esoknya masuk Ramadhan?

Jawapan: Tidak sah niat tersebut.

Soalan: Apakah hukumnya bagi perempuan yang mengandung atau perempuan yang menyusukan anak membatalkan puasanya?

Jawapan: Harus membatalkan puasa tersebut dengan dua sebab:

a. Kerana keuzuran dirinya sendiri
b. Kerana menjaga kesihatan anak

Keterangan:
a. Kalau berbuka puasa kerana menjaga kesihatan dirinya wajib qada' sahaja.
b. Kalau berbuka puasa kerana mahu menjaga kesihatan anak bukan dirinya, wajib qada' dan fidyah sekadar 1 cupak beras untuk sehari.
c. Kalau berbuka puasa kerana menjaga diri dan anak wajib qadha' sahaja.

Soalan: Orang yang tidak berdaya puasa bolehkah diqadha puasa untuknya?

Jawapan: Tidak boleh diqadhakan puasa kepada orang yang masih hidup.

Soalan: Apakah hukum bersahur?

Jawapan: Hukumnya sunat.

Soalan: Adakah sah berpuasa dengan tidak berbuka bila tiba waktunya?

Jawapan: Sah puasa tapi di galakkan mempercepatkan berbuka bila tiba waktu berbuka.

Soalan: Adakah pahala membaca Al-Quran dan bersedekah di bulan Ramadhan berganda dari bulan-bulan yang lain?

Jawapan: Pahala membaca Al-Quran dan bersedekah di bulan Ramadhan adalah berganda.

Soalan: Hukum puasa orang yang terkentut dalam air?

Jawapan: Puasanya sah kerana terkentut dalam air tidak membatalkan puasa.

Soalan: Apakah hukum meninggalkan puasa kerana bersalin?

Jawapan: Hukumnya wajib, jika perempuan yang bersalin itu ada darah nifas dan wajib qadha’ pada bulan-bulan yang lain tetapi sekiranya perempuan yang bersalin itu tiada darah nifas maka harus dia meninggalkan puasa kerana menjaga kesihatannya dan wajib qadha’ pada bulan-bulan yang lain.

SOALAN LAZIM PUASA DENGAN JAWAPAN BERHURAIAN RINGKAS

Adakah niat untuk berpuasa itu perlu dilafazkan atau tidak. Saya kebingungan ada yang barpendapat bahwa kalau orang itu bersahur secara otomatik sudah merupakan niat tanpa perlu lafaz niat puasa?

Yang disyaratkan adalah niat. Apa niat itu? Niat adalah rencana yang tegas untuk melakukan sesuatu. Nah kalau rencana sudah dianggap mantap dalam hati, maka niat tidak perlu diucapkan. Tetapi ada orang yang sering merasa ragu [pendapat dalam ilmu kejiwaan, ianya merupakan penyakit,yang disebut sebagai neurosis] jika niatnya tidak diucapkan. Oleh sebab itu, dalam hal seperti ini, niat ada baiknya dilafazkan, agar anda dapat betul-betul yakin terhadap apa yang akan anda buat.

Dalam hal ini juga niat puasa, jika kita bangun untuk bersahur, tentu aktiviti itu adalah faktor yang menggerak keinginan untuk puasa. Secara tak langsung ia merupakan satu niat. Ertinya, secara tidak langsung, sahur itu merupakan salah satu bentuk kita berniat mahu berpuasa. Jadi, sahur dapat dijadikan sebagai niat untuk puasa.

Seseorang sedang berpuasa Ramadhan, tetapi di himpit pelbagai masalah dan gangguan emosi sehingga benar-benar membuat perasaannya marah sedemikian rupa dan terbawa sampai dirumah menjelang waktu magrib. Setelah sedar Ia merasa puasanya seharian tidak berguna dan sudah kehilangan pahala. Ia berbuka dan telah batallah puasanya. Bagaiamana dengan hal ini ?.

Sayang orang tersebut membatalkan puasanya. Padahal, andaikata saja ia menuruti saranan Rasulullah SAW untuk segera mengambil wudhu dan beristighfar, tentu hal itu dapat meredakan amarahnya. Kalau kita marah-marah, maka puasa kita tetap sah, hanya saja nilainya jadi berkurang. tetapi tetap jauh lebih baik meneruskan berpuasa daripada membatalkannya.

Apakah kerana kita tak dapat khusyu' dalam solat lantas kita tak mahu solat? Sedangkan solat itu wajib. Sebuah perintah untuk melaksanakan kewajiban itu wajib dipenuhi, kalau sudah dipenuhi maka gugur sudah kewajiban itu, tetapi soal diterima atau tidak, sempurna atau tidak, itu merupakan hak prerogatif Allah SWT untuk menentukannya. Jadi, penuhi saja kewajiban itu semampu kita, kemudian menyerahkannya pada Allah. Kerana orang tersebut sudah membatalkan puasanya maka ia wajib menggantinya di hari lain dan di bulan lain.

Alhamdulillah pada bulan ramadhan ini saya melaksanakan perintah Allah puasa ramadhan dengan sebaiknya. Yang jadi masalah saya ialah di tempat kerja saya dan di tempat tinggal saya terdapat segelintir teman sesama muslim yang tidak sembahyang bahkan puasa pun tidak. Bukan setakat mereka itu tidak puasa dan sembahyang malah menempelak pula orang yang berpuasa dengan pelbagai dugaan. Mereka selalaunya sekufu dan tidak segan silu makan, minum dan merokok di khalayak. Mohon panduan bagaimana menangani kes seperti ini

Mengenai pertanyaan saudara dapat saya jelaskan bahwa itu merupakan cabaran dan godaan bagi anda untuk tetap istiqamah menjalankan ibadah puasa ditengah persekitaran yang tidak prihatin akan kemuliaan bulan ramadhan.

Sebagai muslim yang baik, tentu menjadi kewajiban anda melakukan amar ma'ruf nahi munkar kepada teman anda itu, Tegurlah dengan bahasa yang lembut dan penuh luapan nasihat. Berilah teguran dalam bentuk lontaran ingat mengingati ia bahwa perbuatannya itu merupakan perbuatan yang tidak sihat. Namun ingat saudaraku, hanya sampai disitulah kewajiban anda. Anda tak berhak memaksanya, kerana anda hanya berkewajiban memberi ingat saja. Mengenai ia mau terima atau tidak sepenuhnya itu terpulang kepadanya. Tak lupa, do'akan-lah teman anda itu agar menyedari kekeliruannya dan dapat menjalankan ibadah di bulan puasa ini.

Cabaran dan godaan berpuasa itu memang berat. Namun itulah indahnya beribadah; nikmatnya berpuasa. Kita justru harus semakin terpacu untuk mendekatkan diri pada Illahi. Semoga anda, saya dan kita semua lulus dalam ujian ini.- Amin.

Saya berpuasa tetapi tidak dapat terlepas daripada melihat aurat wanita kerana setiap hari dipersekitaran pejabat saya para wanitanya selalu berpakaian singkat dan mendedah aurat. Kerana saya berada dipersekitaran sedemikian itu secara langsung atau tidak langsung saya hampir setiap saat melihatnya, saya berusaha untuk menghindari tapi sukar kerana ia bersangkutan dengan pekerjaan saya yang selalu berhubungan dengan pelanggan yang pelbagai kerenah pakaiannya,

Kalau dalam diri kita sudah ada keimanan dan ketaqwaan, maka diri kita tidak akan terpengaruh dengan hal-hal yang demikian, kerana yang demikian itu bagi orang-orang yang beriman merupakan ujian.

7:26
26. Hai anak Adam [530], sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu pakaian untuk menutup 'auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan. Dan pakaian takwa [531] itulah yang paling baik. Yang demikian itu adalah

sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah, mudah-mudahan mereka selalu ingat.

29:2
2. Apakah manusia itu mengira bahwa mereka dibiarkan (saja) mengatakan: "Kami telah beriman", sedang mereka tidak diuji lagi?

Dengan sabar, mendirikan solat dan dzikir maka gangguan yang demikian tidak akan mempengaruhi diri:

2:153
153. Hai orang-orang yang beriman, jadikanlah sabar dan solat sebagai penolongmu [99], sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.

[99] Ada pula yang mengertikan: "Mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan sabar dan solat".

2:45
45. Jadikanlah sabar dan solat sebagai penolongmu. Dan sesungguhnya yang demikian itu sungguh berat, kecuali bagi orang-orang yang khusyu'.

Mendirikan solat untuk mencegah perbuatan keji dan mungkar:

29:45
45. Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, yaitu Al Kitab (Al Qur'an) dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (dzikir) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain). Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

13:28
28. (yaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka manjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah-lah hati menjadi tenteram.

58:19
19. Syaitan telah menguasai mereka lalu menjadikan mereka lupa mengingat Allah; mereka itulah golongan syaitan. Ketahuilah, bahwa sesungguhnya golongan syaitan itulah golongan yang rugi.

Dengan selalu berdzikir (ingat Allah) pada berdiri, berjalan, berbaring dan duduk maka kita terhindar dari perbuatan keji dan mungkar. Insya Allah.

SOALAN LAZIM PUASA DENGAN JAWAPAN BERHURAIAN TERPERINCI

Apakah hukumnya orang yang mengingkari puasa dan syarat – syarat wajib berpuasa?

Hukum orang yang mengingkari wajibnya puasa Ramadan:. Berdasarkan dalil daripada Al-Quran dan Hadis Sahih, puasa pada bulan Ramadan itu adalah 'Wajib Aini' yakni wajib dilakukan oleh setiap orang Islam yang telah sampai had umur dan berakal- tak kira sama ada lelaki mahupun perempuan. Orang yang mengingkari wajibnya berpuasa bulan Ramadan adalah dihukumkan 'murtad' - jelasnya keluar daripada agama Islam. (Na'udzu billahi min zalik). Syarat-syarat wajib puasa ada lima perkara:

1. Islam - orang-orang kafir tidak wajib berpuasa.
2. Sampai umur- kanak-kanak yang belum cukup umur tidak wajib berpuasa.
3. Berakal (siuman) - orang yang gila tidak wajib berpuasa.
4. Kuasa (berdaya) berpuasa - orang sakit yang merbahaya, orang tua yang lemah dan sebagainya tidak wajib berpuasa.
5. Bermukim - orang yang dalam pelayaran (musafir) lebih daripada dua marhalah tidak diwajibkan berpuasa, tetapi wajib mengqadhanya di hari yang lain.

Perhatian:

Sungguhpun kanak-kanak tidak wajib berpuasa, tetapi adalah menjadi kewajipan kepada ibu bapa memberi didikan dan latihan kepada anak-anak mereka untuk mengerjakan ibadah puasa dengan berpandu sabda Nabi Muhammad s.a.w. tentang memberi latihan menunaikan sembahyang iaitu ertinya: *"Suruhlah anak-anak kamu bersembahyang bila mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka bila berumur sepuluh tahun (kalau tidak mahu mengerjakannya)."*

Apakah hukumnya orang yang meninggalkan puasa?

Hukum-hukum meninggalkan puasa terbahagi kepada empat :

1. Wajib qadha
2. Wajib qadha dan wajib membayar fidyah
3. Tidak wajib qadha
4. Tidak wajib qadha tetapi wajib membayar fidyah

1. Wajib qadha dikenakan ke atas orang yang meninggalkan puasa kerana:
    - Kedatangan haidh dan nifas
    - Sakit yang membahayakan
    - Tersangat lapar dan dahaga
    - Dalam perjalanan
    - Pitam
    - Mabuk
    - Mengandung
    - Menyusukan anak [Dan berbuka kerana bimbangkan kesihatan diri masing-masing]
2. Wajib qadha dan membayar fidyah dikenakan khusus kepada :
    - Orang yang mengandung
    - Orang yang menyusukan anak [Dan berbuka kerana bimbangkan kesihatan anak masing-masing.]
3. Tidak wajib qadha khusus kepada orang yang meninggalkan puasa kerana :
    - Kafir (tidak beragama Islam).
    - Kanak-kanak.
    - Gila.
4. Tidak wajib qadha tetapi wajib membayar fidyah dikenakan ke atas orang yang meninggalkan puasa kerana :

- Sakit yang tidak ada harapan sembuhnya. - Tua yang tidak kuasa (daya) berpuasa.

Catatan Penting :

1. Lewat qadha puasa : Jika lewat qadha puasa hingga datang bulan Ramadan yang lain wajib membayar fidyah secupak pada tiap-tiap hari puasa yang ditinggalkan, dan jika lewat 2 tahun, melewati dua kali Ramadan, wajib berfidyah sebanyak dua cupak dan begitulah seterusnya di samping wajib mengqadha puasa itu.
2. Orang yang mati sebelum qadha puasa : Orang yang luput puasa Ramadan kerana sakit atau musafir dan ia mati sebelum mengqadhanya, tidak wajib diikuti dengan qadha atau fidyah dan tidak berdosa. Jika seseorang itu mati sebelum mengqada puasanya dengan ketiadaan uzur, maka walinya hendaklah mengqadanya atau mengeluarkan fidyah secupak pada tiap-tiap hari puasanya. Fidyah puasa : Iaitu mengeluarkan secupak bahan makanan asasi (di negeri kita - beras) untuk tiap-tiap hari puasa yang ditinggalkan, kepada fakir miskin.

Apakah hukum orang yang berpuasa termakan atau terminum pada bulan puasa ?

Imam Bukhari dan Muslim meriwayatkan daripadla Abu Hurairah. Bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Sesiapa yang makan dan minum kerana terlupa pada bulan Ramadan, hendaklah dia menyempurnakan puasanya. Makan minum itu adalah pemberian Allah. Dan diriwayatkan oleh Daruqatni dengan sanad yang sahih: "Ia dianggap rezeki daripada Allah. Allah yang memberinya minum. Tidak perlu dia mengqadha puasanya." Di dalam lafaz yang lain daripada Daruqatni, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Mabban dan Al-Hakim: "Sesiapa yang makan dalam bulan Ramadan kerana terlupa, dia tidak perlu menggantikan puasanya atau pun membayar kifarah." Al-Hafiz Ibnu Hajar juga mengatakan sanadnya sahih. Hadis-hadis ini dengan jelas mengatakan bahawa makan dan minum dengan tidak sengaja tidak menjejaskan puasa. Ia bertepatan dengan firman Allah: *"Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami terlupa atau tersalah." (Al-Baqarah: 286)* Dan telah sahih dalam hadis yang mengatakan Allah menerima doa ini. Sebagaimana ternyata di dalam hadis yang lain: "Sesungguhnya Allah mengampuni hamba-Nya yang tidak sengaja melakukan kesalahan, yang terlupa atau yang dipaksa." Jadi, sesiapa yang termakan atau terminum dengan terlupa hendaklah dia menyempurnakan puasanya. Tidak harus baginya berbuka.

Apakah hukumnya orang yang berpuasa melakukan dosa mengumpat, bercakap bohong dan melihat wanita ajnabi dengan syahwat. Adakah sah puasanya ?

Puasa yang berfaedah yang diterima oleh Allah ialah puasa yang mendidik dirinya, mengukuhkan perasaan untuk melakukan kebaikan dan membuahkan sifat taqwa sebagaimana yang disebut di dalam alQuran: "Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa." Orang yang berpuasa wajib menjaga kata-kata atau tingkah lakunya daripada perkara-perkara yang boleh merosakkan puasanya agar puasanya itu tidaklah hanya tinggal lapar, dahaga dan menahan diri sahaja, sedangkan pahalanya tiada. *Rasulullah s.a.w. bersabda: "Puasa itu adalah perisai. Apabila seseorang di kalangan kamu berpuasa, dia tidak boleh (bercakap kotor) dan melakukan maksiat. Apabila seseorang mencacinya atau ingin bergaduh dengannya, handaklah dia berkata: Aku sedang berpuasa." (Bukhari dan Muslim) "Tuan orang yang berpuasa itu ialah lapar. Tuan orang yang bangun ialah berjaga." (Diriwayatkan oleh Nasai Ibnu Majah dan Al-Hakim Menurutnya, hadis ini sahih mengikut syarat Imam Bukhari). Sabda*

Rasulullah lagi: "Sesiapa yang tidak meninggalkan tutur kata yang dusta, Allah tidak menerima hajatnya (puasanya) walaupun dia meninggalkan makan dan minum." (Bukhari, Ahmad dan Ashabus Sunan). Menurut Ibnu Arabi, yang dimaksudkan dengan hadis ini ialah tidak diberikan pahala puasanya. Maknanya, pahala puasa tidak layak diberi kepada pendusta. Ibnu Hazim berpendapat perkara-perkara ini membatalkan puasa sebagaimana makan dan minum dengan sengaja. Hadis ini juga diriwayatkan oleh sebahagian sahabat dan tabiin. Pada pendapat kami, yakni jika kami tidak berpendapat seperti Ibnu Hazim, dosa-dosa ini akan menghilangkan pahala puasa dan merosakkan tujuan syarak. Oleh kerana itulah umat terdahulu yang soleh mengambil berat masalah puasa ini daripada dicemari perkara yang melalaikan dan haram, sebagaimana mereka menjaganya daripada makan dan minum. Saidina Umar berkata bahawa puasa itu bukanlah menahan diri daripada makan dan minum sahaja tetapi mesti juga menghindarkan diri daripada berdusta serta perkara-perkara yang batil dan melalaikan. Saidina Ali juga meriwayatkan hal yang sama. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bermaksud: "Apabila engkau berpuasa, pendengaran, penglihatan dan lidahmu juga hendaklah berpuasa daripada berkata dusta dan dosa. Jadikanlah puasamu tenang, dan jangan jadikan hari engkau berpuasa sama dengan hari engkau tidak berpuasa." Abu Zar berkata kepada Talik bin Qais: "Apabila engkau berpuasa, hendaklah engkau menjaga puasa engkau sekadar yang mampu." Talik tidak akan keluar rumah ketika dia berpuasa melainkan untuk mengerjakan sembahyang. Bagi Abu Hurairah dan sahabat-sahabatnya, apabila mereka berpuasa, mereka sentiasa berada di dalam masjid. Mereka mengatakan: hendak membersihkan puasa kami..." Dan daripada Maimun bin Mahran: "Sehina-hina puasa ialah puasa yang hanya menahan makan dan minum sahaja..." Tidak kira perkara apa yang dilakukan, puasa itu tetap ada kesan dan ganjarannya. Bagi orang yang mengumpat dan bercakap bohong, Allahlah yang akan membalasnya, sebagaimana firman-Nya: *"Dan segala sesuatu di sisi-Nya ada ukurannya." (Ar-Ra'd: 8)* Tiap-tiap amalan itu ada kiraan dan timbangannya "Tuhan kami tidak akan tersalah dan tidak (pula) terlupa." (Toha: 52) Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Tirmizi: "Daripada Aisyah r.a., bahawa ada seorang lelaki duduk di hadapan Rasulullah. Lelaki itu bertanya kepada Rasulullah: 'Wahai Rasulullah, saya mempunyai beberapa orang hamba yang berbohong dan tidak mematuhi saya. Saya memukul mereka dan mengeji mereka. Bagaimanakah keadaan saya di akhirat kelak?' Rasulullah menjawab: 'Semuanya akan dikira berdasarkan pengkhiantan, keingkaran dan penipuan mereka kepada engkau, juga hukuman yang engkau laksanakan ke atas mereka. Andainya hukuman engkau ke atas mereka itu kurang

daripada dosa yang mereka lakukan, ia adalah lebih baik bagi engkau, tetapi jika engkau membalasnya sama dengan dosa yang dilakukan, itu adalah memadai engkau tidak berdosa dan mereka juga tidak berdosa. Andainya engkau menghukum mereka melebihi dosa yang mereka lakukan, engkau akan mendapat balasan daripadanya.' Lelaki itu menangis dan berteriak di hadapan Rasulullah. Rasulullah bersabda: 'Tidakkah dia membaca al-Quran?'" *Firman Allah: "Kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari kiamat, maka tiadalah dirugikan seseorang barang sedikit pun. Dan jika (amalan itu hanya seberat biji sawi pun, pasti Kami mendatangkan (pahalanya). Dan cukuplah Kami menjadi orang-orang yang membuat perhitungan. (Al-Anbiya': 47)* "Lelaki itu berkata kepada Rasulullah: 'Aku tidak dapat sesuatu kebaikan pun daripada mereka (yakni hamba-hambanya). Aku naik saksi dengan engkau bahawa aku membebaskan mereka semuanya.'"

Adakah diterima puasa orang yang meninggalkan sembahyang? Adakah sesuatu ibadat itu ada kaitannya dengan ibadat yang lain sehinggakan jika ditinggal setengahnya, tidak diterima ibadat yang lain?

Orang Islam dituntut melakukan semua ibadat: mendirikan sembahyang, membayar zakat, berpuasa pada bulan Ramadan dan mengerjakan haji jika berkemampuan. Sesiapa yang meninggalkan salah satu ibadat ini tanpa keuzuran, dia telah melampaui batas terhadap Allah. Ulama Islam telah mengeluarkan berbagai-bagai pendapat, setengahnya berpendapat, kufur jika meninggalkan salah satu daripada ibadat ini. Ada pula yang mengkafirkan orang yang meninggalkan sembahyang dan enggan membayar zakat. Setengahnya berpendapat hanya orang yang meninggalkan sembahyang saja menjadi kafir kerana kedudukan sembahyang yang tinggi di dalam Islam. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim menjelaskan: "Di antara hamba dan kekufuran itu ialah meninggalkan sembahyang." Ulama yang mengkafirkan orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja, dengan sendirinya berpendapat bahawa puasa orang itu juga tidak diterima, kerana orang kafir itu sendiri amalannya tidak diterima. Sesetengah ulama masih lagi mengiktiraf keimanan dan keislamannya selama mana orang itu masih mempercayai kebenaran Allah dan Rasul-Nya serta tidak membangkang atau mencela apa yang dibawa oleh Rasulullah. Mereka menyifatkan orang seperti ini sebagai fasik. Mudah-mudahan pendapat ini lebih benar dan adil. Wallahualam. Jika dia mengurangkan sebahagian daripada ibadatnya yang wajib kerana malas atau mengikut hawa nafsu, tanpa mengingkari atau mempermain-mainkannya, dan dia melakukan juga ibadat-ibadat yang lain, dia dikira muslim yang

tidak sempurna, imannya lemah dan jika berterusan meninggalkannya dikhuatiri imannya akan jatuh. Walau bagaimanapun Allah tidak mensia-siakan amalan kebaikannya. Pahala terhadap apa yang telah dilakukannya tetap ada, sebaliknya dia berdosa di atas keterlanjurannya. *Allah berfirman: "Dan segala (urusan) yang kecil mahupun yang besar adalah tertulis" (Al-Qamar 53) Firman-Nya lagi: "Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarah pun, nescaya dia akan melihat pembalasannya. Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan seberat zarah pun, nescaya dia akan menerima (balasannya) pula." (Al-Zalzalah: 7-8)*

Hadas Besar / Terkeluar Mani Semasa Berpuasa

Apakah hukumnya jika seseorang itu , setelah bangun sahur di bulan puasa dan menunaikan solat subuh tidur untuk satu jam, bila bangun mendapati dirinya berhadas besar disebabkan mimpi? Adakah batal puasanya untuk hari itu atau bagaimana?

Untuk makluman, hadas besar yang disebabkan mimpi tidak membatalkan puasa, sama ada ianya berlaku sebelum atau selepas waktu sahur. Orang yang berhadas tersebut boleh meneruskan puasanya.

Saya telah bermimpi sehingga mengeluarkan mani pada siang hari bulan Ramadan, kemudian saya mandi junub. Adakah mandi junub tersebut membatalkan puasa saya?

Bermimpi tidak membatalkan puasa. Ia bukan urusan manusia. Lagipun dia tidak bermaksud untuk bermimpi. Oleh itu dia tidak perlu berbuka. Keluarnya mani ketika bermimpi tidak membatalkan puasa, begitu juga dengan mandi junub, kerana mandi junub itu bertujuan untuk membersihkan diri, sebagaimana yang diwajibkan oleh Allah ke atas orang Islam. Malahan, sekiranya termasuk air ke dalam telinga atau tertelan air ketika berkumur-kumur (sewaktu mengambil wuduk atau mandi), puasa tidak terbatal kerana ia dikira tidak sengaja. *Firman Allah: "Dan tidak ada dosa ke atasmu terhadap apa yang kamu tersilap, tetapi (yang ada dosa ialah) apa yang disengajakan oleh hatimu."(Al-Ahzab: 5)* Sabda Nabi s.a.w.: "Sesungguhnya Allah mengampuni dosaku dan dosa umatku yang melakukan kesilapan atau terlupa." (Tabarani)

Haidh

Dalil ayat Quran yang mengatakan bahawa wanita apabila haidh tidak boleh berpuasa dan bersembahyang

Dalil alQur'an:

- ✓ Larangan solat bagi wanita haidh: an-Nisa':43
- ✓ Larangan puasa bagi wanita haidh: tiada dalil alQur'an; ia dilarang oleh hadis muttafaq alaih dari Abi Sa'id alKhudri

Bolehkah kami memakan ubat untuk melewatkan haid pada bulan Ramadhan?

Ulama Islam telah bersepakat mengatakan bahawa wanita-wanita Islam yang berhaidh tidak wajib berpuasa pada bulan Ramadan tetapi wajib mengqadhakannya pada hari yang lain. Allah tidak mahu memberatkan hamba-Nya. Wanita yang didatangi haidh letih badannya dan tidak tenteram perasaannya. Kalau dia berpuasa pun, puasanya tidak akan diterima dan tidak akan diberi pahala. Inilah amalan yang dilakukan oleh Ummul Mukminin dan wanita muslimat pada zaman Rasulullah. Tidak berdosa wanita yang datang haidh membuka puasanya dan hendaklah menggantikannya pada hari-hari yang lain sebanyak mana puasa yang ditinggalkan itu. *Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a. berbunyi: "Kami diperintahkan menggantikan puasa dan kami tidak diperintahkan menggantikan sembahyang." (Bukhari)* Pada pendapat saya sebaik-baiknya wanita itu mengikut sifat kejadian semula jadinya. Haidh adalah sesuatu yang tabii dan tidak dapat dielakkan. Ia datang daripada Allah. Sekiranya wanita itu hendak memakan ubat untuk melewatkan haid agar ia tidak datang di dalam bulan Ramadan, hukumnya tidak mengapa dengan syarat ubat itu tidak memudaratkan dirinya. Mereka boleh meminta nasihat orang-orang alim dan pakar, atau nasihat doktor mengenai ubat itu. Menelan pil tersebut akan membolehkannya berpuasa genap sebulan pada bulan puasa dan akan diterima Allah, insya-Allah.

Apakah hukum menggantikan puasa kerana haidh pada bulan Syaaban?

Tidak salah untuk menggantikan puasa pada bulan Syaaban atau bulan-bulan lain. Bahkan pernah diriwayatkan bahawa Aisyah r.a. kadang kala menggantikan puasanya pada bulan Syaaban sebelum datang bulan Ramadan. Untuk menenangkan hati kaum muslimat yang telah menggantikan puasanya pada bulan Syaaban,

yakinlah bahawa puasa itu diterima dan diberi pahala. Sesungguhnya Allah menerima amalan orang-orang muttaqin.

Kali pertama saya didatangi haid, keluar sesuatu yang berwarna putih seperti percikan air. Saya tidak tahu air apakah ini. Adakah sah puasa dan sembahyang saya?

Lendir jenis ini biasa keluar dari kemaluan seorang perempuan terutama gadis. Hanya keluar darah sahaja yang mengharamkan puasa, sembahyang dan lain-lain lagi. Darah haidh boleh dikenali kerana darahnya yang berwarna merah pekat. Andainya lendir yang keluar bukan darah seperti lendir atau cecair, itu adalah perkara yang biasa berlaku pada wanita. Tidak ada masalah dalam hal ini dan tidak perlu dikhuatiri tentangnya. Dia hendaklah sembahyang, berpuasa dan menunaikan ibadat-ibadat lain seperti biasa. Allah menerima puasa, sembahyang dan ibadat-ibadatnya yang lain.

Fidyah Puasa

Adakah bersahur merupakan salah satu daripada syarat-syarat sah puasa?

Hukum bersahur itu adalah sunat sahaja dan ia bukannya syarat sah puasa. Ia merupakan amalan Nabi s.a.w., oleh itu kita digalakkan mengerjakannya. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Bersahurlah kamu kerana pada sahur itu ada keberkatan." (Mutafaq alaih) Kita disunatkan bersahur dan melewatkan waktunya. Bersahur juga dapat menguatkan tubuh badan, meringankan kepayahan berpuasa kerana kurangnya masa menahan lapar dan dahaga. Agama Islam sentiasa memberi kemudahan dan galakan agar manusia suka melakukan amal ibadat kepada Allah. Sunat menyegerakan waktu berbuka dan melewat-lewatkan waktu bersahur. Orang Islam digalakkan bersahur walaupun sedikit. Memadailah dengan sebiji buah kurma atau seteguk air. Amalan ini adalah amalan Rasulullah. Di samping itu juga ia dapat mendidik jiwa. Jika kita bangun untuk bersahur kita akan beringat-ingat dan berjaga jaga sebelum fajar. Waktu itu jugalah Allah akan membesar-besarkan hamba-Nya, menerima permintaan hamba- Nya, bersedia mengampuni dosa hamba-Nya dan menerima amalan yang salih. Bayangkanlah betapa besarnya faedah yang akan diperoleh berbanding dengan orang yang hanya tidur dan tidak bersahur pada waktu itu.

Memasukkan Air Ke Dalam Rongga

Ada yang mengatakan berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung menjejaskan puasa seseorang , sejauh manakah kebenaran pendapat ini?

Berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung ketika berwuduk adalah sunat mengikut imam-imam yang tiga mazhab iaitu Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam Syafii. Menurut pendapat Imam Ahmad, hukumnya adalah wajib dan ia dikira sebagai sebahagian daripada kewajipan membasuh muka. Dalam masalah ini, tidak kira sama ada ia sunat atau wajib, tidak harus meninggalkannya walaupun dia berpuasa atau tidak. Orang Islam digalakkan melakukan amalan yang sama dengan keadaan dia tidak berpuasa. Ada sebuah hadis yang berbunyi: "Apabila kamu memasukkan air ke dalam hidung ketika mengambil wuduk, dan air itu termasuk ke dalam kerongkong, kamu masih lagi berpuasa (tidak batal puasanya). " Bagi orang yang berpuasa yang berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung ketika berwuduk, dan air itu termasuk ke dalam kerongkong tanpa sengaja dan tidak melampau, puasanya tetap sah. Samalah keadaannya jika dimasuki debu jalanan, debu tepung atau binatang yang terbang termasuk masuk ke dalam kerongkong. Semua ini dimaafkan kerana tidak sengaja. Walaupun sesetengah imam tidak bersetuju dalam masalah ini. Berkumur-kumur tidak kerana mengambil wuduk juga tidak membatalkan puasa, selama mana air itu tidak sampai ke dalam perut.

Qadha Puasa

Bolehkah seseorang yang meninggalkan puasa Ramadhan menggantikannya di dalam bulan Syaaban ?

Seseorang muslim boleh menggantikan puasa Ramadhan yang ditinggalkannya apabila dia mampu melakukannya dan ada masa yang terluang sepanjang bulan sebelum datangnya bulan Ramadan yang berikutnya. Ini bermakna tiap-tiap orang Islam ada tempoh sebelas bulan untuk menggantikan puasanya, sama ada dia meninggalkan puasanya kerana sakit, musafir, datang haidh atau pun keuzuran-keuzuran lain. Inilah antara kemudahan yang diberikan syarak untuk menggantikan puasanya. Jika dia berkemampuan, eloklah dia menggantikannya dengan segera iaitu di dalam bulan Syawal (selepas bulan Ramadan) atau selepas Syawal. Tidak syak lagi bahawa segera menggantikannya adalah lebih afdal. Kita digalakkan bersegera melakukan kebaikan, sebagaimana firman Allah: *"Bersegeralah kamu melakukan*

kebaikan." (Al-Baqarah: 148) Manusia tidak tahu bilakah ajalnya akan sampai. Oleh itu dia hendaklah lebih berhati-hati. Menunaikan tanggungjawab dan menggantikan apa yang terluput dapat menjaminnya di akhirat. Andainya telah masuk bulan Syaaban dan dia masih lagi belum menggantikan puasanya, dia hendaklah menggantikannya di dalam bulan Syaaban tersebut kerana bulan itulah bulan yang terakhir untuk dia menggantikan puasanya. Amalan ini telah dilakukan oleh Saidatina Aisyah r.a. Beliau tidak sempat menggantikan puasanya pada bulan yang lain lalu menggantikannya pada bulan Syaaban. Ini tidak berdosa. Jika terdapat kesamaran pendapat daripada orang ramai, pendapat ini tidak ada asas syarak, kerana puasa yang ditinggalkan di dalam bulan Ramadhan boleh diganti pada semua bulan. Akan tetapi, jika seseorang itu mula sakit pada bulan Ramadhan, sehinggalah datang Ramadhan yang berikutnya, dia masih lagi sakit, dia tidak mampu untuk mengqadhanya kerana kepayahan dan kesusahan. Dalam hal ini, puasa yang tidak sempat diqadha itu dikira sebagai hutang tertangguh dan di bawa ke bulan Ramadhan yang berikutnya, sehinggalah dia mampu dan kesihatannya mengizinkan dia menggantikan puasanya itu. Ia tidak dikira berdosa. Firman Allah:

"Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu " (Al-Baqarah: 185)

Adakah niat puasa sunat 6 hari bulan Syawal boleh disekalikan dengan puasa Qadha?

Niat puasa enam tidak boleh disekalikan dengan puasa qadha' Imam Syafi'iy (al Umm) berpendapat dalam mensyarahkan bab `Innamal a'malu binniat (setiap amalan dgn niat) hendaklah dibezakan ibadah puasa ramadhan, puasa nazar, puasa kafarat, puasa qadha' dan puasa tatawwu' (sunat2). Imam Jalaluddin as Syuyuti (al Isybah) juga berpendapat demikian hendaklah diasingkan puasa Ramadhan, atau nazar atau puasa sunnat.

Bolehkah puasa qadha digabungkan sekali dengan puasa sunat?

Memandangkan terdapat beberapa masalah susulan yg timbul saya telah membuat kajian yg lebih terperinci dalam masalah ini dan merumuskan bahawa persoalan puasa qadha (puasa hutang) dan puasa sunnat boleh digabungkan sekali; ia termasuk isu khilafiah (yg diperselisihkan para fuqaha') kerana nas hadis dalam masalah ini tidak jelas. Pandangan pertama: menggunakan perbahasan Qawaid feqah (Bahawa setiap amalan adalah dengan

apa yg dia niatkan) tidak membenarkan digabungkan dua ibadah : wajib dan sunat digabungkan sekali ; dalam hal ini puasa qadha' mesti dibuat dahulu kemudian baru diikuti dgn puasa sunat seperti puasa syawal. Contohnya jika seorang wanita ada 10 hari puasa qadha' Ramadhan. Apabila tiba syawal dia dikehendaki menyempurnakan puasa qadha' dahulu sebelum dibolehkan berpuasa sunat 6 hari syawal; dia tidak boleh berpuasa dibulan syawal dengan mengggabungkan dua niat dalam satu puasa (yakni puasa qadha' dan puasa sunat). Pandangan kedua: membolehkan puasa sunat dan qadha' digabungkan dalam satu. Dr Wahbah azZuhaili (Fiqh Islami wa'adillatuh) menjelaskan: seseorang yang berpuasa qadha' di bulan syawal beroleh double bonus atau triple bonus yakni dia boleh pahala puasa qadha', juga pahala puasa sunat syawal sekaligus dan jika dia berpuasa pada hari isnin/khamis; dia juga mendapat pahala sunat isnin khamis. Ini juga pandangan Imam Nawawi dan Ibn Hazm (al Muhalla): menurut Ibn Hazmin, nas yg menegah dari RasuluLlah saw tidak ada apabila baginda menyuruh kita berpuasa enam supaya kita menyempurnakan puasa qadha' terlebih dahulu. Imam Nawawi menjelaskan, antara amalan Aisyah RA ialah beliau tidak melakukan puasa qadha' pada bulan Syawal, malah menyempurnakan puasa sunat syawal sahaja dan menghabiskan puasa qadha'nya di bulan-bulan lain. Ini juga satu cara. Jadi menjawab soalan susulan di atas, apakah boleh kita puasa qadha' dan puasa sunat syawal sekaligus; Jawapannya: boleh; jika menggunakan kaedah Ibn Hazm dan Wahbah Zuhaili; kita berniat puasa qadha' dlm bulan syawal dan sekaligus mendapat double bonus; dan jika puasa itu jatuh pada Isnin/khamis; layak mendapat triple bonus secara otomatik. Maka pandangan saya sebelum ini dimansuhkan dengan hasil penemuan terbaru saya dalam bab ini..dan berpuasalah dibulan syawal dan rebutlah pahala berganda atau berganda tiga.

Orang Yang Diharuskan Berpuasa

Doktor telah melarang saya berpuasa. Bolehkan saya bersedekah untuk menggantikan puasa saya. Bolehkan saya bersedekah dengan duit kepada orang miskin dan yang berhajat untuk menggantikan puasa saya?

Ulama bersepakat mengharuskan orang sakit berbuka puasa. *Firman Allah: "(Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan (menjadi) pembeza (antara yang hak dan yang batil). Kerana itu barangsiapa di antara kamu hadir*

(berada di negeri tempat tinggalnya), maka hendaklah dia berpuasa pada bulan itu, dan barangsiapa sakit atau dalam perjalanan (lalu dia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa), sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan Dia tidak menghendaki kesukaran bagimu." (Al-Baqarah: 185) Terdapat nas dan ijmak yang mengharuskan berbuka, tetapi apakah jenis penyakit yang diharuskan berbuka. Sakit yang diharuskan berbuka ialah penyakit yang lebih memudaratkan lagi jika berpuasa atau melambatkan tempoh sembuhnya, atau akan menempuh bahaya dan kesusahan sehinggakan tidak boleh bekerja mencari rezeki untuk kehidupannya. Ada yang mengatakan mengikut Imam Ahmad, iaitu ketika beliau ditanya: "Bilakah orang sakit boleh berbuka" Jawabnya: "Apabila dia tidak mampu (berkuasa)." Lalu ditanya lagi: "Adakah seperti demam panas?" Jawabnya: "Mana-mana sakit yang lebih teruk daripada demam." Penyakit itu ada bermacam-macam. Ada yang tidak memberi kesan kepada pesakit, seperti sakit geraham, luka jari-jari, bisul kecil dan seumpamanya. Ada juga puasa yang boleh menyembuhkan penyakit-penyakit di dalam perut, seperti sakit perut kerana terlalu kenyang, cirit birit dan lain-lain. Tidak harus berbuka disebabkan penyakit-penyakit ini, kerana puasa itu sendiri memberi manfaat kepada tuannya dan tidak memudaratkannya. Berbuka hanya harus jika puasa itu dikhuatiri memudaratkan dirinya, atau jika berpuasa, seseorang yang sihat akan sakit. Salah satu daripada cara untuk mengetahui penyakit tersebut ialah melalui pemeriksaan peribadi, misalnya pengesahan daripada doktor muslim yang dipercayai ilmu perubatannya dan amanah dalam agamanya. Andainya doktor mengesahkan bahawa puasa boleh memudaratkan dirinya, haruslah dia berbuka. Jika dia terus juga berpuasa, dia telah melakukan perkara yang dibenci agama kerana memudaratkan dirinya sendiri. Berbuka adalah kemudahan daripada Allah walaupun puasanya itu sah. Jika dia berpuasa juga, dia telah melakukan perkara yang sebenarnya telah diberi kelonggaran oleh syarak. Sesungguhnya Allah tidak menyusahkan hamba-Nya. *Firman Allah: "Janganlah kamu membunuh dirimu. Sesungguhnya Allah amat mengasihani kamu "(An-Nisa': 29)* Masalah yang masih belum dijelaskan lagi ialah adakah harus bersedekah untuk menggantikan puasanya yang ditinggalkan kerana sakit? Pada pendapat kami, sakit itu terbahagi kepada dua: Pertama, sakit sementara yang ada harapan sembuh. Hukumnya tidak harus membayar fidyah atau bersedekah. Ia wajib diqada. *Firman Allah: "Maka (wajiblah baginya berpuasa), sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain." (Al-Baqarah: 184)* Jika dia meninggalkan puasanya sebulan, wajib digantikannya sebulan. Jika sehari, wajib diganti sehari, begitulah seterusnya.

Bolehlah diganti puasanya ketika sihat dan ada masa yang terluang. Kedua, sakit yang lama dan tidak ada harapan sembuh. Hukumnya seperti hukum ke atas lelaki dan wanita tua. Penyakit ini hendaklah disahkan oleh doktor yang pakar atau melalui pemeriksaan. Ia dikenakan fidyah. Mengikut pendapat sesetengah imam seperti Abu Hanifah, harus kita membayar fidyah dengan duit kepada fakir miskin dan orang-orang yang memerlukannya.

Berapakah jarak yang diharuskan berbuka bagi Musafir ?

Orang yang bermusafir diharuskan berbuka sebagaimana firman Allah: *"Dan barangsiapa sakit di dalam perjalanan, lalu dia berbuka, maka wajiblah baginya berpuasa sebanyak hari yang tinggalkannya itu pada hari-hari yang lain." (Al-Baqarah: 184)* Para fuqaha tidak bersependapat dalam masalah menentukan kadar jarak perjalanan. Ramai ulama bersetuju bahawa kadarnya lebih daripada 81 kilometer. Jarak ini adalah jarak yang diharuskan sembahyang qasar. Untuk mengharuskan berbuka, mengikut kebanyakan mazhab jaraknya lebih kurang 84 kilometer. Tidak ada hadis yang menerangkan kadar jarak ini, juga tiada pendapat sahabat tentangnya. Tidak ada sukatan meter dan kilometer; kedua-dua sukatan ini adalah sukatan yang tepat. Sesetengah ulama tidak mensyaratkan jarak yang diharuskan berbuka. Mereka berpendapat bagi tiap-tiap perjalanan yang dianggap musafir, jaraknya dikira jarak musafir yang mengharuskan berbuka dan sembahyang qasar... Inilah yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis. Dia diberi pilihan, sama ada meneruskan puasanya atau berbuka. Sahabat Rasulullah yang bermusafir bersama-sama baginda telah berkata: *"Sebahagian daripada kami berpuasa dan yang lainnya berbuka. Orang yang tidak berpuasa tidak mempelawa air kepada orang yang berpuasa dan begitulah sebaliknya."* Akan tetapi musafir yang menghadapi kesusahan dan penderitaan dalam perjalanannya makruh berpuasa, dan ada kalanya boleh menjadi haram hukumnya. Ini berdasarkan hadis Nabi s.a.w. tentang lelaki yang berpuasa sedangkan perjalanannya sentiasa dibayangi oleh kesusahan dan penderitaan yang teruk. *Nabi bertanya sahabat tentang lelaki itu, mereka menjawab: "Dia berpuasa." Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tiada kebajikan berpuasa dalam musafir." (Bukhari)* Ini bagi orang yang sangat susah dan menempuh penderitaan ketika berpuasa. Sesiapa yang tidak ada masalah untuk berpuasa, iaitu tidak ada perkara yang menyusahkannya, dia diberi pilihan sama ada untuk berpuasa atau tidak. Akan tetapi yang manakah lebih baik di antara kedua-duanya? Ulamak tidak bersependapat dalam masalah ini. Setengahnya mengatakan berpuasa lebih baik dan setengahnya pula berpendapat berbuka lebih baik. Umar bin Abdul Aziz berkata:

"Yang lebih mudah adalah yang lebih baik." Sesetengah orang berpendapat berpuasa lebih mudah kerana dapat berpuasa bersama-sama orang yang berpuasa agar tidak perlu menggantikan puasa ketika mana orang lain tidak berpuasa. Dengan ini kami katakan: Berpuasalah. Ada juga yang berpendapat bahawa berbuka lebih mudah pada bulan Ramadan. Dia akan dapat melakukan beberapa perkara, menunaikan hajatnya dan dapat bergerak dengan mudah untuk menunaikan apa yang disyarakkan dan diharuskan Allah kepadanya. Oleh itu kami katakan: Berbukalah dan gantilah puasa pada hari yang lain. Mana yang lebih menyenangkannya adalah lebih baik. *Diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Hamzah Ibnu Amir Al-Aslami yang mengatakan: "Aku berkata kepada Rasulullah: 'Saya mempunyai binatang tunggangan dan saya selalu menggunakannya untuk bermusafir. Saya sering juga bermusafir dalam bulan Ramadan tetapi saya mampu berpuasa. Saya seorang pemuda. Saya lebih mudah berpuasa daripada berbuka, dan kalau saya berbuka, itu akan menjadi hutang bagi saya. Bolehkah saya berpuasa ya Rasulullah? Atau saya berbuka? Yang mana lebih besar pahalanya?' Rasulullah menjawab: "Pilihlah yang mana satu engkau suka wahai Hamzah."' Maksudnya, pilihlah mana yang lebih memudahkan. Hadis lain diriwayatkan oleh An-Nasai, katanya: "Saya mampu berpuasa, adakah dikira berdosa?" Jawab Rasulullah: "Berbuka adalah untuk kemudahan engkau. Sesiapa yang berbuka, itu adalah baik baginya. Sesiapa yang hendak terus berpuasa, tidak berdosa baginya."* Inilah yang disyarakkan Allah kepada orang musafir. Tidak ada syarat untuk berbuka ketika bermusafir. Tidak kira sama ada menghadapi kesulitan atau tidak kerana hukum musafir itu sahaja membolehkan berbuka. Allah tidak mensyaratkan kesulitan yang dihadapi pada musafir itu. Jika Allah mengenakan syarat kesulitan itu, nescaya ramai orang yang akan berbalah dalam masalah ini. Bagi sesiapa yang hendak berpuasa, dia boleh meneruskan puasanya walaupun itu akan menyusahkan dirinya sendiri. Sesungguhnya Allah tidak mahu memberatkan hambaNya. Oleh itu Allah mengenakan syarat hukum berbuka ketika musafir itu sendiri, walaupun musafirnya itu. dengan menaiki kapal terbang, keretapi atau kereta. Yang menjadi permasalahannya ialah dia dikira berhutang iaitu wajib menggantikan puasanya pada hari-hari yang lain. Maksudnya, hari yang ditinggalkannya itu menjadi hutang bertangguh yang wajib dibayar pada masa yang lain. Sebab itu dia diberi pilihan sama ada meneruskan puasanya atau berbuka walaupun tidak menghadapi sebarang kesusahan ketika bermusafir. Mengikut pengalaman orang-orang yang bermusafir, mereka akan menempah kesusahan, sama ada musafir itu dengan menaiki kapal terbang atau menunggang binatang. Ini kerana, musafirnya itu bermaksud

perjalanan yang jauh dari tempat tinggal dan keluarga, mengalami rasa bersendirian, tidak tenang dan tidak tetap tempat tinggal. Allah berfirman: *"Allah menghendaki bagimu kemudahan dan Allah tidak menghendaki bagimu kesusahan." (Al-Baqarah: 185)*

Bilakah kanak-kanak lelaki dan perempuan boleh berpuasa? Adakah had umur tertentu yang digariskan oleh syarak ?

Sebuah hadis Nabi s.a.w. berbunyi: "Diangkat pena itu kerana tiga perkara: Seorang kanak-kanak kecil sehingga dia dewasa, orang yang sedang tidur sehingga terjaga dan orang gila sehingga dia normal kembali (Imam Ahmad dan Abu Daud) Makna diangkat pena itu ialah mereka tidak ditaklifkan atau dipertanggungjawabkan untuk menunaikan sebarang ibadat. Agama Islam menjaga sifat semula jadi manusia. Kanak-kanak harus dilatih sejak kecil lagi supaya mahir melakukan ibadat dan taat kepada Allah. Rasulullah bersabda: *"Suruhlah anak-anakmu mengerjakan sembahyang ketika umur mereka tujuh tahun dan pukullah mereka jika mereka enggan melakukannya ketika umur mereka sepuluh tahun." (Imam Ahmad dan Abu Daud)* Puasa juga dikira ibadat dan kewajipan seperti sembahyang. Kita wajib melatih anak-anak menunaikan ibadat ini. Tahap umur berapakah latihan ini mesti dilakukan? Tidak semestinya semasa umur kanak-kanak itu tujuh tahun kerana puasa lebih susah daripada sembahyang. Terpulanglah kepada kemampuan kanak-kanak tersebut. Jika bapa atau penjaganya mendapati kanak-kanak itu sudah mampu berpuasa, bolehlah dia melatih anaknya berpuasa beberapa hari pada setiap bulan, setahun demi setahun. Misalnya dalam setahun dia melatihnya berpuasa sebanyak tiga hari, di tahun yang lain selama seminggu, seterusnya dua minggu dan sehingga sebulan penuh. Apabila dia telah baligh, dan ditaklifkan berpuasa, dia tidak lagi susah untuk mengerjakan puasa kerana sudah biasa dan mahir sebelum ini. Inilah cara Islam melatih kanak-kanak sejak dari kecil lagi dengan adab-adab Islam dan kewajipan-kewajipannya. Seorang penyair berkata, maksudnya: Adab itu bermanfaat semasa kecil ia tidak memberi faedah lagi ketika telah dewasa, dahan yang lembut mudah teguh bila dilentur dan akan menjadi keras (tidak lembut) bila ia telah menjadi kayu. Ibu bapa dan penjaga hendaklah membiasakan anak-anak mereka, sama ada lelaki atau perempuan berpuasa dan sembahyang. Sembahyang diajar ketika umur mereka tujuh tahun, dan jika enggan bersembahyang pada umur sepuluh tahun mereka hendaklah dipukul. Puasa pula dilatih ketika mereka mampu melakukannya walaupun umur melebihi tujuh tahun. Penjaga seperti ayahnya boleh menyuruhnya berpuasa.

Apakah Hukumnya berbuka puasa bagi orang tua yang uzur, wanita yang hamil dan yang menyusukan anak, dan bolehkah menggunakan wangian pada bulan Ramadan?

Untuk soalan pertama, hukumnya harus berbuka bagi orang tua yang ada kesusahan dan kepayahan untuk berpuasa. Samalah juga hukumnya bagi orang tua dan orang sakit yang tiada harapan sembuh Harus berbuka bagi orang yang lama sakitnya dan tiada harapan untuk sembuh serta telah disahkan oleh doktor. Mereka boleh membayar fidyah iaitu memberi makan seorang miskin sehari mengikut hari yang ditinggalkannya. Ini merupakan kesenangan dan kemudahan daripada Allah sebagaimana firman-Nya: *"Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan Dia tidak menghendaki kesukaran bagimu." (Al-Baqarah: 185) Firman-Nya lagi: "Dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untok kamu dalam agama suatu kesempitan."* Ibnu Abbas r.a. berkata: "Diberi kemudahan berbuka bagi orang yang tua, tetapi hendaklah dia memberi makan kepada fakir miskin tiap-tiap hari yang dia tinggalkan dan tidak perlu mengqada puasanya." (Diriwayatkan oleh Ad-Daruqatni, dan Hakim telah mengesahkanya). Bukhari juga meriwayatkan hadis yang hampir sama. *Firman Allah: "Dan wajib bagi orang yang tidah mampu mengerjakannya (tidak berpuasa) membayar fidyah, (iaitu) memberi makan seorang miskin. Barangsiapa yang dengan rela hati mengerjakan kebajikan, maka itulah yang lebih baik baginya." (Al-Baqarah: 184)* Maksudnya, sesiapa yang ingin menambahkan amalannya dengan memberi orang miskin makan menurut kadar yang telah ditetapkan, itulah yang lebih baik dan sedekahnya itu kekal di sisi Allah. Kesimpulannya, orang tua, sama ada lelaki atau perempuan dan pesakit yang tiada harapan sembuh dikenakan fidyah dan bersedekah untuk menggantikan puasa yang ditinggalkannya. Bagi soalan kedua, iaitu bolehkah wanita yang hamil membuka puasanya kerana dikhuatiri anak di dalam kandungannya itu meninggal dunia, jawapannya: Ya, dia boleh berbuka. Malahan, jika ia dikuatkan lagi dengan pengesahan daripada doktor muslim yang dipercayai dari segi ilmu perubatan dan agamanya, dia diwajibkan berbuka. *Firman Allah: "Jangan kamu bunuh anak-anak kamu." (Al-Anaam: 151) Firman Allah lagi: "Dan wajib bagi orang yang berat untuk menjalankannya (tidak berpuasa) membayar fidyah, (iaitu) memberi makan seorang miskin..." (Al-Baqarah: 184)* Kebanyakan ulama mengharuskan berbuka puasa bagi wanita yang hamil dan wanita yang menyusukan anaknya yang bimbangkan diri mereka sebab berpuasa itu, tetapi diwajibkan menggantikannya. Keadaan mereka sama dengan keadaan orang yang sakit. Adapun masalah bimbang memudaratkan bayi dalam kandungan, telah disepakati harus berbuka puasa, cuma yang menjadi perselisihan ialah adakah wajib

diganti atau dibayar fidyah atau kedua-duanya sekali. Ibnu Umar dan Ibnu Abbas mengharuskan bagi wanita itu membayar fidyah. Kebanyakan ulama berpendapat dia wajib mengqadak puasanya. Setengahnya pula berpendapat wajib ke atas wanita itu melakukan kedua-duanya sekali. Pada pandangan saya, harus bagi wanita itu membayar fidyah sahaja. Melihat kepada wanita yang beban kandungan dan menyusukan bayi, tidak ada baginya menggantikan puasanya. Setahun mengandung, setahun menyusukan anak selepas melahirkannya. Oleh itu tidak ada masa hendak menggantikan puasanya. Jika diwajibkan juga menggantikan puasa, ini bermakna dia terpaksa belpuasa beberapa tahun bersambung-sambung. Ini menyusahkannya, sedangkan Allah tidak menyusahkan hamba-Nya. Untuk soalan ketiga pula, iaitu tentang penggunaan wangian di bulan Ramadan, hukumnya harus. Ia tidak merosakkan puasa. Tidak ada keterangan atau pendapat sesiapa tentang hal ini.

Apakah Hukumnya Tidak Qadha' puasa Ramadan sehingga datang Ramadan yang berikutnya.

Setengah-setengah Imam mengatakan wajib ke atasnya menggantikan puasanya dan membayar fidyah iaitu memberi makan fakir miskin seorang sehari mengikut hari yang ditinggalkannya. Makanan itu mengikut kebiasaan sesebuah negeri, iaitu makanan asasinya. Satu cupak sama sukatannya dengan setengah kilogram atau lebih sedikit. Pendapat ini mengikut mazhab Syafii, Hambali dan sebahagian sahabat. Adapun imam-imam yang lain tidak mewajibkannya. Secara keseluruhannya, jika perkara seperti ini berlaku, wajiblah diqada sahaja. Memberi makan fakir miskin atau membayar fidyah adalah lebih baik, jika tidak melakukannya tidak menjadi kesalahan, insya-Allah, kerana Nabi tidak mengesahkan hal seumpama ini. Adapun jika syak bilangan hari puasa yang ditinggalkan tersebut, ikutlah kebiasaan syaknya atau dengan yakin... Untuk menyenangkan hati serta menyelamatkan puasanya dan agama, hendaklah dia berpuasa lebih daripada hari yang sepatutnya dia gantikan. Baginya pahala terhadap puasa yang ditambahnya.

CADANGAN AMALAN – AMALAN TERBAIK BULAN RAMADHAN

Cadangan amalan terbaik bulan Ramadhan yang di perturunkan disini bukan bermaksud ini sahaja amalan terbaik, sebaliknya Ia adalah tidak bersifat exhaustif. Dalam perjalanan menuju dan mencari kesempurnaan Ramadhan panduan ini adalah sebahagian daripada cadangan amalan terbaik untuk mencapai prestasi ramadhan yang terbaik

1. Amalan menyambut kedatangan Ramadhan dengan perasaan riang, gembira, khusyuk dan tawaddhuk, penuh kesyukuran dapat betemu Ramadhan sekali lagi

Tiada daripada seorang hamba apabila melihat ia sehari bulan Ramadhan lantas dia memuji Allah, (kerana kedatangan bulan rahmat dengan kelebihan dan keistimewaannya). Kemudian dibacanya Al-Fatihah tujuh kali, melainkan di'afiat Allah daripada sakit matanya pada bulan itu. (Al-Hadis). Bukannya melihat kedatangan ramadhan sebagai satu bebanan dan keluh kesah ahhh…Ramadhan lagi. Yang tertinggal tahun lepas pun belum qadha lagi

2. Amalan memperbanyakkan ibadah untuk mendapat keampunan, pahala dan mencari malam Lailatul Qadar

Kelebihan bulan Ramadhan dan keagungannya dengan adanya Malam LAILATULQADAR yang dirahsiakan, sehingga mendapat keampunan dan pahala serta rahmat dan darjat tertinggi bagi orang yang berjaga mendapatkan malam LAILATULQADAR dengan dipenuhi amal ibadat dan bertaqwa kepada Allah, di samping sembahyangnya yang sunat, istighfar, tasbih dan berzikir sepanjangnya.

3 Amalan sentiasa memuji kebesaran Allah SWT

Apabila engkau melihat sehari bulan maka bacalah olehmu "ALLAH HU AKBAR" 3 kali kemudian bacalah:Maksudnya: Segala kepujian bagi Allah yang telah menjadikan aku dan telah menjadikan engkau dan telah menentukan bagi engkau pangkat-pangkat (darjat) dan telah menjadikan engkau tanda (kekuasaanNya bagi sekelian alam) nescaya bermegah Allah akan dia dengan Malaikat dan firmanNya:

HAI MALAIKAT! SAKSIKANLAH KAMU, BAHAWA AKU TELAH MERDEKAKANNYA DARI API NERAKA.

** ATAU **

YA ALLAH! ZAHIRLAH RAMADHAN ATAS KAMI DENGAN KEAMANAN DAN DENGAN KESELAMATAN DAN KEISLAMAN, TUHANKU DAN TUHAN ENGKAU ALLAH.

4. Amalan berfokuskan matlamat menikmati keindahan balasan syurga di akhirat kelak

Bersabda Nabi s.a.w : bahawa syurga berlengah-lengah ia dan berhias dari tahun ke setahun kerana masuknya bulan Ramadhan. Pada awal malam bulan Ramadhan bertiup angin di bawah `arasy dan bergeraklah daun kayu dengan longlainya di dalam syurga, terdengarlah desiran daun kayu, hembusan sang bayu syurga yang teramat indahnya, seni rentak lagunya menawan seluruh perasaan murni, maka berhiaslah bidadari sekeliannya hingga berdirilah di atas puncak mercu syurga itu, lantas bersuaralah bidadari: Adakah orang yg hendak meminang kami kepada Allah, kata bidadari pula Apakah malam ini namanya? Jawab Malik Ridhwan, “hai bidadari yg cantik manis, inilah malam awal Ramadhan”, lalu Allah berfirman:

(“*Hai Ridhwan, bukalah pintu syurga Babuljannan untuk orang-orang yang berpuasa daripada umat Muhammad. Hai Malik Zabaniah, tutuplah pintu neraka Al-Jahim daripada umat Muhammad, Hai Jibril, belenggukan syaitan, lontarkannya kedalam lautan supaya tidak membinasakan umat Muhammad akan puasanya. Maka berfirman Allah pada tiap-tiap malam Ramadhan tiga kali: Adakah orang yang meminta ampun? Akan Aku ampunkannya”.)*

5. **Amalan mencari dan meningkatkan kelebihan di hari Jumaat bulan ramadhan**

Sabda Nabi s.a.w : Kelebihan hari Jumaat pada bulan Ramadhan atas segala hari yang lain seperti kelebihan Ramadhan atas segala bulan.

6. Amalan ibdah yang bersendikan keimanan, keikhlasan untuk mendapat pengampunan.

Barangsiapa yang mengerjakan ibadat pada bulan Ramadhan dengan keimanannya dan ikhlasnya kerana Allah, maka di ampunkan segala dosanya yang telah lalu.

7. Amalan sentiasa mengingati dan menghayati puasa secara mendalam (fokus minda)

Sabda Nabi s.a.w : Tidur orang yang berpuasa itu ibadat dan nafasnya itu adalah tasbih, doanya itu mustajab, dosanya diampunkan Allah, dan amalan ibadatnya dilipatgandakan.

8. Amalan puasa sebagai penampan dari terjerumus ke neraka

Puasa itu perisai, sedekah itu memadam kesalahan dosa seperti air memadamkan api.

9. Amalan memperbanyakkan sedekah di bulan puasa

Semulia-mulia sedekah ialah sedekah pada bulan Ramadhan.

10. Amalan sedekah khusus untuk berbuka puasa yang ikhlas

Siapa memberi makan (berbuka puasa) kepada orang puasa maka baginya seumpama balasan pahala orang berpuasa dengan tidak kurang sedikitpun.

11. Amalan puasa sebagai pematuhan kualiti dan panduan tanda aras keimanan: buat apa yang di suruh, tinggal apa yang di larang

Puasa yang mematuhi piawaian kualiti menurut apa yang disuruh dan menjauhkan segala pantang larangnya, akan membawa ganjaran diampunkan dosanya dan jika di tambah input bertasbih, bertahlil ganjarannya dibinakan rumah yang indah di dalam syurga.

12. Amalan memperbanyakkan sembahyang sunat dan beribadah di bulan Ramadhan

Orang yang sembahyang pada bulan Ramadhan, tiap kali sujud dikurniakan kepadanya seribu tujuh ratus kebajikan dan dibinakan ruman di dalam syurga daripada permata. Bagi orang yang berpuasa dan beribadat, tujuh puluh ribu Malaikat meminta ampun baginya daripada pagi hingga tenggelam matahari dan dibina sebuah mahligai baginya.

13. Amalan puasa sebagai fasilitator mendapat ganjaran balasan bangkit dari kubur dalam keadaan lapar dan dahaga tapi di bawakan makan, minum dan buahan sebagai balasan berlapar di bulan Ramadhan

Pada hari kiamat, Allah memerintah Malik Ridhwan supaya dikeluarkan orang-orang berpuasa daripada kuburnya dengan keadaan lapar dan dahaga, lalu disuruh Malik Ridhwan berikan segala keinginan mereka, dari segala macam makanan dan minuman Syurga. Maka Malik Ridhwan memerintah, anak-anak membawa talam-talam makanan, minuman dan buah-buahan, sebagai balasan berlapar di bulan Ramadhan.

14. Amalan tidur puasa di bulan puasa

Orang mukmin yang tidur dalam bulan puasa kerana puasa Ramadhannya dia berbalik badannya sambil menyebut Allah, maka berkata Malaikat kepadanya : " Allah mencucuri rahmat kepada engkau." Apabila dia berdiri maka berdoalah hamparannya: (Wahai Tuhanku, kurniakanlah kepadanya hamparan permaidani tebal kepadanya di dalam syurga). Apabila memakai pakaian, berdoalah pakaian: (Wahai Tuhanku, kurniakan kepadanya pakaian syurga). Apabila memakai kasut, berdoalah kasut: (Wahai Tuhanku, tetaplah kakinya atas Titian Sirotolmustaqim). Apabila memegang timba, berdoalah pula timba: (Wahai Tuhanku, kurniakanlah kepadanya gelas syurga!). Apabila mengimbil air sembahyang, berdoalah air itu: (Wahai Tuhanku, sucikanlah daripada segala dosa dan kesalahan!). Apabila berdiri sembahyang, berdoalah rumahnya: (Wahai Tuhanku, cahayakanlah kuburnya dan luaskanlah / lapangkan kuburnya serta menilik Allah kepadanya,maksudnya: hambaku berdoa dan Aku memerima!).

15 Amalan puasa sebagai fasilitator mendapat pertolongan Allah melalui doa malaikat

Malaikat yang banyak muka sujud kepada Allah pada hari kiamat, satu muka sujud, satu muka melihat Syurga, satu muka melihat Neraka, satu muka melihat `Arasy, lalu berkata Malaikat itu: Wahai Tuhanku, ampunkanlah umat Muhammad, kasihanilah mereka!. Jangan disiksa orang yang berpuasa Ramadhan dari umat Muhammad!.

16. Amalan puasa sebagai pembuka pintu rahmat dari awal hingga akhir

Sabda Nabi s.a.w : Bahawa pintu langit dan pintu syurga dibuka pada awal Ramadhan hingga akhir malam Ramadhan. Tiap orang yang bersembahyang pada malamnya ditulis baginya tiap satu sujud, seribu tujuh ratus kebajikan, dibina rumah baginya di dalam syurga daripada emas merah indah, baginya tujuh pintu daripada emas yang merah indah. Orang yang berpuasa pada awal Ramadhan, di ampunkan segala dosanya hingga ke akhir bulan Ramadhan, dibina baginya tiap - tiap hari mahligai di dalam syurga, mempunyai seribu daripada emas dan meminta ampun baginya 70 ribu Malaikat dari pagi hingga tenggelam matahari.

17. Amalan puasa sebagai medium penyampai hajat kepada Allah SWT

Sabda Nabi s.a.w : Bahawasanya bagi Allah beberapa kejadianNya, dijadikan mereka supaya menyampaikan segala hajad orang dan supaya orang meminta tolong kepadanya pada menyempurnakan segala hajat yang diperlukan. Mereka itulah orang yang aman daripada siksa Allah.

18. Amalan puasa sebagai sebahagian pengurusan kualiti total, ibadah

Bahawa didalam syurga terdapat bilik-bilik, dilihat dari luar nampak didalannya dan dilihat dari dalam kelihatan luarnya. Berkata sahabat: Untuk siapakah itu ya Rasulullah? Lantas baginda menjawab: Ialah bagi orang yang baik percakapannya, bagi orang yang memberi makan makanan, bagi orang yang sentiasa berpuasa, bagi orang yang sembahyang di tengah malam sedang manusia dalam nyenyak tidur.

19. Amalan puasa sebagai medium mencapai nikmat tahap ummat istimewa Muhammad SAW berbanding umat sebelumnya

Sabda Nabi s.a.w : diberi kepada umatku lima perkara yang belum pernah diberi kepada umat-umat dahulu sebelumnya:

Bau mulut orang berpuasa lebih daripada harum kasturi di sisi Allah.

Segala perbelanjaan dan derita lapar selama puasanya adalah syurga balasannya.

Diampunkan dosa-dosa mereka pada malam LailatulQadar.

Amalan yang dilakukan pada bulan Ramadhan digandakan kepada sepuluh hingga tujuh ratus kali ganda, melainkan puasa maka ianya bagiKu, Aku balas kepadanya yang berpuasa menahan syahawatnya, makan minumnya kerana Aku". (Kerana Allah)

Dan mereka dikurniakan nikmat, kepada mereka keseronokan ketika berbuka dan menemui Tuhan di Akhirat.

20. Amalan berpuasa sebagai jalan mencapai tahap mukmin sejati

Sabda Nabi s.a.w : Menunaikan yang sunat diberi balasan pahala fardu, dan amalan fardu diberi balasan 70 kali ganda. Bulan pahala adalah bulan sabar (sabar dalam berbuat taat kepadaNya), dan sabar itu adalah syurga balasannya. Bulan ini dilebihkan rezeki kepada hambaNya orang mukmin, diampunkan baginya dosa-dosa, barang siapa memberi makan kepada orang berpuasa, pahalanya seperti memerdekakan hamba, dan diampunkan dosanya. Berkata sahabat: Bagaimana kami tak sanggup memberi makan orang yang berpuasa (berbuka puasa) ya Rasulullah? - Allah memberi pahala kepada orang yang memberi seteguk susu atau sebiji kurma atau segelas air. Barang siapa kenyangkan orang berpuasa diampunkan Tuhan dosanya, diminumkan Tuhan dari pada kolam Haudh, sejenis minuman yang tiada dahaga-dahaga lagi kemudiannya hingga masuk ia ke syurga dan pahalanya seperti pahala orang berpuasa.

21. Amalan puasa kerana mencari dan menuju keredhaan Allah

Ramadhan ertinya bulan mendapatkan keredaan Allah dan keampunan hambanya. Orang yang mendapat keredhaan dan keampunan Allah bererti memberi jaminan (kerana ibadatnya pada bulan mulia dengan penuh taat mendapatkan syurga anugerah Allah bagi hambaNya yang benar - benar melakukan ibadat keranaNya pada bulan Ramadhan termulia ini dengan ganjaran pahala sehingga seribu kali ganda dan keampunan yg banyak sekali, teristimewa pada malam Lailatul qadar.

22. Amalan cinta kasih sayang kepada ramadhan

Apabila berakhir bulan Ramadhan, menangis wali-wali Allah kerana berpisahnya bulan yang paling mulia yang digandakan ibadat berlipatganda daripada bulan-bulan yang lainnya. Bulan Allah mudah menerima ampun taubat: hamba-hambaNya, bulan yang banyak sekali diturunkan rahmat ke alam, bulan yang terdapat padanya malam Lailatul-qadar, suatu rahmat dan rahsia yang dikurniakan kepada hamba-hambaNya yang solihin, yang tidak terdapat pada bulan-bulan yang lain. Mereka menangis kerana belum tentu akan dapat menemui bulan termulia ini pada tahun-tahun hadapan, kiranya dipanjangkan umur?.

23. Amalan tanggapan di tinggalkan Ramadhan sebagai satu musibah

.Apabila berakhir malam bulan Ramadhan, menangislah tujuh petala langit dan tujuh petala bumi dan segala Malaikat, kerana belalu Ramadhan berlalulah kelebihannya, sebab musibah bagi umatku dan duduk segala Malaikat bagi musibah, orang bertanya: Ya Rasulullah, apa itu musibah? Jawab Rasulullah s.a.w

: kerana segala doa padanya itu mustajab, sedekah makbul, segala kebajikan digandakan dan siksa kubur terangkat, maka apakah musibah yang terlebih besar daripada ini bagi umatku?!

24. Amalan mencari malam Lailatul Qadar sebagai petunjuk mencari ganjaran yang terbaik

Malam LailatulQadar adalah malam rahsia, yang turun padanya Malaikat Jibril dan beberapa Malaikat dengan perintah Allah. Orang yang berjaga dengan alam ibadatnya untuk mendapat malam LailatulQadar yang terahsia itu yang tidak diketahui manusia, hanya orang-orang solihin yang muqarrabun, orang berusaha mendapatkan malam mulia itu dengan berjaga malam pada sepuluh malam Ramadhan yang terakhir maka diampunkan Tuhan segala dosa-dosanya. Dipahalakannya dengan banyak, dirahmatkannya dengan penuh limpah kurnia dan orang-orang solihin yang dikurniakan Allah mendapat malam LailatulQadar itu suatu keberuntungan kebahagiaannya bagi akhirat, mendapat keampunan dan rahmat terbesar, mendapat pimpinan Allah dalam hayatnya, mendapat keredaan Allah dalam hidupnya dunia dan akhirat.

25. Amalan memperbanyakkan takbir dimalam aidilfitri

Malam Aidilfitri, malam raya, disunatkan kepada kita berjaga malam beribadat, bertakbir `Allahu Akbar' sepanjang malamnya, akan mendapat keampunan yang banyak, pahala yang besar, rahmat Allah tercurah kepadanya. Siapa yang menghidupkan dua malam raya (Aidilfitri dan Aidiladha) dengan ibadatnya dan takbirnya, tidak dimatikan hatinya pada hari yang dimatikan segala hati.

26. Amalan zikir, berjemaah, berbakti kepada ibu bapa , suami/isteri ke arah kebajikan

Barang siapa hadir ke dalam majlis zikir pada bulan Ramadhan ditulis pada tiap langkahnya ibadatnya setahun dan pada hari kiamat bersamaku di bawah `Arasy. Siapa tetap berjemaah dalam bulan puasa didirikan kota yang bercahaya indah cemerlangnya dan yang berbakti kepada ibubapanya Allah memandang rahmat kepadanya. Isteri yang berbuat sesuatu mencari keredaan suaminya, maka pahala yang besar, Allah kurniakan kepadanya seperti Siti Mariam dan siapa menyampai hajat orang mukmin, Allah menunaikan seribu hajatnya. Siapa bersedekah kepada fakir miskin (yang mempunyai anak isterinya) setiap langkah kepadanya seribu kebajikan, dihapuskan seribu kejahatan dan diangkat seribu darjat baginya.

27. Amalan mengawal lidah, mematuhi perkara wajib, sunat, haram, halal, makruh untuk mendapat nikmat balasan syurga daripada Allah

Sabda Nabi s.a.w : Tidak seorang hamba yang berpuasa Ramadhan, diam tidak berkata-kata yang sia-sia dan daripada yang haram dan yang makruh dan sentiasa menyebut Allah (berzikir Allah), menghalalkan apa yang dihalalkan Allah, mengharamkan apa yang diharamkan Allah, tidak mengerjakan kejahatan sepanjang Ramadhan, telah diampunkan baginya segala dosanya dan setiap tasbih, dibinakan sebuah rumah yang terindah di dalam syurga daripada zamrud, di dalamnya daripada yaqut merah indah, di dalam rangka permata itu (yaqut) terdapat sebuah khemah, di dalamnya terdapat bidadari (Huurul`ain-isteri syurga), terhias dengan permata bercahaya indah yang menerangkan bumi sekelilingnya.

28. Amalan memperbanyakkan ibadah dengan rangka sasaran mendapat kemuliaan menemui malam Lailatul Qadar

Pada malam LailatulQadar, Allah Ta'ala menyuruh akan Jibril `Alaihissalam turun ke bumi, lalu turunlah Jibril ke dalam perhimpunan Malaikat ke bumi bersamanya bendera hijau lalu dipacakkan di atas Ka`abah, baginya 600 sayapnya, setengahnya tidak dibuka keduanya melainkan pada malam LailatulQadar baru dibukakan keduanya sehingga sampai dari timur ke barat (masyriq ke magrib) untuk menyelamatkan umat Muhammad. Lalu memberi salam kepada tiap orang yang berjaga pada malam LailatulQadar beribadat kerana mencari keredhaan Allah dan orang yang duduk beribadat, orang yang sembahyang dan berzikir dan berjabat tangan sesama mereka mukmin dan mengucap amin doa orang-orang mukmin hingga terbit fajar subuh, berkata para Malaikat kepada Jibril, apakah Allah berikan pada hajat orang mukmin dari umat Muhammad s.a.w pada bulan Ramadhan ini! Berkata Jibril: Bahawasanya Allah menilik kepada umat Muhammad yang berpuasa dan beribadat kepadaNya dan dimaafkan mereka, diampunkan dosa-dosa mereka, melainkan empat orang yang tidak diampunkan dosanya,iaitu orang yang kekal minum arak, orang yang derhakakan Ibu bapanya, orang yang memutuskan silaturrahim dan orang yang tidak bercakap dengan saudaranya lebih daripada tiga hari.

29. Amalan bertakbir, bertahmid, solat sunat Aidilfitri, bermaaf-maafan memohon keampunan daripada dosa

Apabila pada malam akhir Ramadhan dinamakan malam persalinan. Pada pagi Hari Raya Aidilfitri didatangkan Allah Malaikat kepada tiap negeri, turunlah mereka ke bumi, berdiri pada permukaan jalan menyeru dengan suara yang kuat, semua mendengarnya kecuali jin dan manusia. Berkata mereka: Hai umat Muhammad ! keluarlah kamu mengadap Tuhan yang amat mulia (Sembahyang Raya di pagi raya) yang memberi pemberian yang berpanjangan dan mengampun akan dosa-dosa besar. Apabila tibalah umat Muhammad ketempat sembahyang. Firman Allah kepada Malaikat: Hai MalaikatKu, apakah balasannya orang yang mengambil upah apabila selesai kerjanya? Jawab Malaikat: Hai Tuhan kami, sempurnakanlah upahnya! Firman Allah : Bahawa Aku saksikan kamu hai MalaikatKu, telah Aku jadikan pahala dari puasa mereka pada bulan Ramadhan dan mereka mendirikan sembahyang ialah keredaanKu dan

keampunanKu kepada mereka! Maka FirmanNya lagi: Hai segala hambaKu, pohonkanlah kamu kepadaKu, maka demi ketinggian Ku dan kebesaranKu, tiada memohon kepadaKu hari ini akan sesuatu bagi agamamu dan duniamu, melainkan Aku kurniakan kepadamu!

INDEKS TANDA ARAS PENGUKURAN PRESTASI RAMADHAN

Sepanjang bulan Ramadhan seharusnya kita sentiasa membuat muhasabah diri secara berterusan untuk mengukur prestasi puasa kita, sejauh mana ia mencapai tahap kecemerlangan yang diharapkan. Kita boleh mengukur prestasi puasa kita melalui penetapan tanda aras sendiri akan sejauh mana ia meningkatkan keimanan, ketaqwaan dan kemukminan diri kita. Cerminlah diri sama ada ada penambahbaikan atau sama sahaja sebagaimana sabda Rasulullah SAW: “Janganlah jadikan sepanjang hari puasa kamu sehingga waktu berbuka itu sama sahaja” Ini bermakna sikap, perlakuan dan penampilan seoseorang itu masih di tahap yang sama sama ada berpuasa atau tidak, iaitu puasa tidak memberi kesan peningkatan keimanan dan ketqwaan. Oleh itu penetapan indeks tanda aras prestasi Ramadhan kita sendiri, adalah panduan mencermin diri yang terbaik dalam menilai prestasi Ramadhan kita. Antara tanda aras prestasi yang boleh di jadikan panduan adalah seperti berikut:

Tanda Aras 1 : Peningkatan ketaqwaan

Allah mewajibkan puasa untuk umat Islam mencapai ketqwaan, sebagaimana firmannya, “ Wahai orang yang beriman di wajibkan keatas kamu berpuasa, sebagaimana diwajibkan ke atas umat sebelum kamu, semoga kamu bertaqwa”. (SuraatulBaqarah (2):183) Taqwa, dalam pengertian ini bermakna memperisaikan diri daripada kemurkaan Allah dan api neraka. Sebagai tanda aras soal lah diri “Sudahkah puasa ini membawa kepada kita lebih takutkan Allah SWT daripada takutkan yang selain daripadanya?. “Adakah puasa kita ini dapat menjadi pendinding dan perisai menampan kita daripada terjerumus ke api neraka? Bertafakur sejenak, selami secara realiti maya, tenung – tenung lah di mana tahap kita. Berapakah skor peningkatan ketqwaan berbanding puasa tahun lepas dan tahun – tahun sebelumnya serta apakah unjuran skor tahun hadapan.

Tanda Aras 2: Mendekatkan diri kepada Allah

Ini dapat dicapai dengan cara banyak membaca dan menghayati pengajaran dalam alQuran, melakukan sembahyang sunat tarawih sentiasa mengingati Allah, berkumpul dalam majlis ilmu dan bagi mereka yang mampu pergi mengerjakan umrah. Bagi mereka yang mampu juga di galakkan beri'tikaf didalam mesjid terutamanya di sepuluh malam terakhir Ramadhan, meninggalkan urusan dunia buat seketika untuk mendekatkan diri berkomunikasi dengan Allah (Hablumminallah). Jika hidup kita dipenuhi dosa kita akan berjauhan daripada Allah. Asas contoh tanda aras berjauhan dengan Allah dapat di lihat dalam simptom kurang/tidak/susah untuk membaca dan menghayati al Quran, enggan dan malu alah untuk ke masjid, majlis ilmu dan segala aktiviti santapan rohani, tetapi cepat, pantas dan tangkas ke arah aktiviti yang melalaikan dari mengingati Allah. Tanda aras hamba Allah yang taat kepadanya adalah sentiasa merasa diri dekat dengan Allah dan sentiasa berazam serta berusaha secara berterusan untuk sentiasa berada dekat dengan Allah dan bukannya bersifat angkuh dan malu alah untuk memohon pertolongan dan keampunan. Dimanakah titik tanda aras kedekatan kita dengan Allah?. Tepuk dada tanya iman.

Tanda Aras 3 : Memupuk kesabaran dan keteguhan iman

Di dalam alQuran Allah menyebut perkataan sabar lebih daripada 70 kali dan menyeru manusia supaya bersifat sabar dan deskripsi cara kepada memupuk kesabaran melebihi 60 pendekatan. Apabila kita berpuasa kita menahan diri daripada makan, minum, merokok, hubungan kelamin dalam waktu daripada imsak hingga berbuka puasa. Dengan menahan diri daripada perkara tersebut kita belajar melatih diri untuk bertahan dan bersabar. Islam memerlukan ummah lelaki dan wanitanya yang sabar dan teguh keimanan dan pendirian dalam menghadapai segala cubaan dan cabaran dunia, Ummah yang kuat, kental bersatu, mampu dan bersedia mempertahankan kesucian alQuran dan hadith dan ummah yang tidak gentar untuk menghadapi musuh – musuh Allah.

Tanda Aras 4 : Mendapat ihsan (Jalan lurus dan ikhlas) dan menjauhkan diri daripada sikap sombong, riak dan takabbur.

Kita sering berdoa kepada tuhan memohon petunjuk ke jalan benar lagi lurus. Dengan doa dan permohonan sedemikian kita memohon ihsan Allah untuk menyuci diri daripada sifat negatif dan memupuk sikap positif. Ihsan bermaksud menyembah dan mencari keredhaan Allah. Ulama Hasan al-Basree mencadangkan, untuk mendapatkan ihsan Allah kita seharusnya bertanya diri apabila mahu melakukan sesuatu “Adakah tindakan ini di sukai Allah?, Adakah tindakan ini di senangi Allah? Oleh itu apabila seseorang berpuasa ia merupakan satu medium untuk membuat refleksi dan audit diri dalam memupuk kualiti kearah melorongkan diri ke jalan yang benar dan lurus serta menjauhi sifat riak, sombong dan takabbur.

Tanda Aras 5 : Mengelokkan perangai: kejujuran dan keikhlasan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Sabda Rasulullah SAW, “Barangsiapa yang tidak meninggalkan dusta samada dalam bentuk perkataan mahu pun perbuatan, Allah SWT tidak akan merahmati makan dan minumnya”. (al-Bukhari). Iktibar yang dapat di ambil dari hadith ini adalah, kita perlu memberi perhatian terhadap usaha mengelokkan perangai kerana Rasulullah di lantik dan di hantar oleh Allah untuk di jadikan sebagai contoh ikutan perangai yang baik dan elok. Adakah kita menurut, mengikut dan mempraktikkan perangai yang elok yang di sebut sebagai sunnah nabi atau sebaliknya.

Tanda Aras 6 : Mengenali diri ini boleh berubah ke arah kebaikan

Sabda Rasulullah SAW, “Setiap anak Adam itu melakukan dosa. Yang terbaik antara mereka yang berdosa itu adalah mereka yang menyesal dan bertaubat.

Allah memberi ruang yang seluasnya untuk memohon keampunan dan taubat menyuci diri dari dosa.

Tanda Aras 7 : Lebih banyak bersedekah

Ibn ‘Abaas berkata, “Rasulullah adalah orang yang paling banyak bersedekah dan baginda memperbanyakkan sedekah di bulan ramadhan iaitu bulan di mana Jibrael bertemu baginda setiap malam dari awal hingga akhir Ramadhan.” (al-Bukhari). Sabda Rasulullah SAW “Barangsiapa yang memberi makan (berbuka) untuk orang yang berpuasa ia akan mendapat pahala yang sama banyaknya dengan pahala puasa orang yang diberi makan itu, tanpa mengurangkan sedikitpun pahala orang itu. ”. Riwayat (at-Tirmidzi)

Tanda Aras 8 : Pembentukan kesatuan ummah yang padu melalui ketaatan kepada Allah SWT

Sabda Rasulullah SAW “Umat yang hidup selepasku akan menyaksikan banyak perbezaan berbanding dengan zamanku. Oleh itu berpeganglah kepada sunnah ku dan sunnah para khalifah yang terpimpin. Berpegang teguh dan jangan berganjak daripada pegangan sunnah itu. ”.(Abu Daud). Ramadhan adalah satu kesatuan apabila kita berpuasa bersama, bersembahyang sunat tarawih bersama, bersembahyang sunat aidilfitri bersama. Kita beribadah di lorongan objektif yang sama iaitu untuk mendapat keredhaan Allah melalui ketaatan kepada perintahnya. Kesatuan ummah islam sebagai satu entiti tunggal berasaskan keimanan kepada Allah dan Rasulnya, bukan berasaskan ras, kasta keturunan dan warna kulit adalah intipati pembentukan ummah muslim yang bersatu dan tidak berpecah-pecah. Kesatuan tunggal ummah muslim ini hanya boleh dicapai dengan paksi ketaatan kepada Allah dan Rasulnya sebagai pegangan utama.